

BAB TUJUH

KATA NAMA TERBITAN (*ISM MUSYTĀQ*)

7.0. Pendahuluan.

Dalam bab ini akan dibincangkan secara berurutan tentang pengertian *isytiqāq* dalam BA dan pembagiannya, faedah dan keistimewaananya, *isytiqāq* dalam BM, jenis-jenis *ism musytāq* dalam BA dan BM. Oleh kerana perbincangan ini menyangkut kedua-dua bahasa (BA dan BM), maka turut dibincangkan persamaan dan perbezaannya.

7.1. KN Terbitan (*Ism Musytāq*) dalam BA

Sejak zaman dahulu lagi, penutur BA gemar dan cenderung memperbanyak dan meluaskan pertbaharaan kata mereka. Di antara cara yang mereka lakukan ialah melalui kaedah *isytiqāq*, al-Suyūfiy, dalam bukunya *al-Muzhir* (Jld. 1, t.t.:163) mengatakan:

أَجْمَعَ أَهْلُ الْلُّغَةِ .. . أَنَّ لِلْغَةِ الْأَفْرَبَ قِيَاسًا، وَأَنَّ الْأَفْرَبَ شَتَّقٌ بَعْضُ
الْكَلَامِ مِنَ الْبَعْضِ، وَأَنَّ الْجِنَّ مُشَتَّقٌ مِنَ الْإِجْتِنَانِ.

Maksudnya: *Ahli BA sepakat bahawa perkataan BA itu dapat dikiaskan, dan penutur bahasa Arab selalu menerbitkan sebahagian perkataan dari pada perkataan yang lain. Misalnya perkataan "al-jin" diterbitkan daripada kata "al-ijtinān".*

Kaedah ini amat penting dalam BA, kerana satu kata dasar dalam bahasa tersebut dapat melahirkan bentuk perkataan yang baru, sama ada pada kata

kerja malupun kata nama. Adapun prosudurnya adalah melalui proses penambahan fonem-fonem pada kata dasar. Dengan prosudur sebegini menunjukkan bahawa BA mempunyai keistimewaan tersendiri sehingga ia mampu mengikut perkembangan dan kemajuan zaman dan menuturkannya di berbagai-bagai keadaan dan tempat. Al-Šāhibiy (1371 : 47), mengatakan:

وَلَوْ كَانَ الْكَلَامُ كُلُّهُ أَصْنَالًا لَمْ يَكُنْ هُنَاكَ مَحَالٌ لِلابْتِكَارِ وَالْتَّوْلِيدِ وَلَكَانَ
مَعْنَى ذَلِكَ أَنَّ لُغَةَ الْعَرَبِ جَامِدَةً لَا تَتَحَرَّكُ عَلَى الْوَغْمِ مِنْ تَحْرُكِ الزَّمَنِ
وَتَطْوِيرِهِ، وَهَذَا مُنْقُضٌ.

Maksudnya: Jika semua perkataan Arab berupa kata akar/dasar, maka tidak akan wujud usaha bagi melahirkan sesuatu yang baharu dan penerbitan perkataan. Kalau demikian, BA merupakan bahasa yang beku (jāmid) yang tidak berkembang, padahal zaman selalu berkembang dan maju. Andaian ini adalah tidak benar.

Sepertimana yang telah dikemukakan bahawa proses penerbitan kata dalam BA adalah melalui penambahan huruf pada kata dasarnya. Dalam kaitan ini, pakar morfologi Arab mengatakan bahawa fonem-fonem imbuhan itu ada sepuluh. Bagi mengingat kesepuluh fonem tersebut mereka telah membuat suatu “menemotik” (titian ingatan) yang diwujudkan dalam bentuk ayat: أَمَانٌ

سَكُونُتُنِّيْهَا : (mereka akan bertanya
رسْتِيْلَ) (keamanan dan kemudahan) dan :

كَانَ وَاتِّسَادِيَّا لِيَأْتِيَ (kepadaku mengenainya). Kedua-dua ayat itu tersusun daripada huruf:

عَمَّا نَوَّاتِسَادِيَّا (Lihat, Abū al-Makārim dalam bukunya Uṣūl al-

Tafkīr al-Nahw (1973: 307-308).

Daripadauraian singkat di atas, dapatlah dijelaskan bahawa BA merupakan jenis bahasa yang dapat diterbitkan. Penegasan ini selari dengan definisi yang dikatakan oleh Tawfiq Muhammad Syâhîn (1993:87):

الاشتقاقُ أَخْلُدُ صيغةٌ مِنْ أُخْرَى مَعَ اتّفاقِهِمَا مَادَةً أَصْلِيَّةً وَمَعْنَى وَهِينَةً
تَرْكِيبٌ لَهَا، لِيَدْلُلَ بِالثَّانِيَةِ عَلَى مَعْنَى الْأَصْلِ بِزِيَادَةِ مُفِيدَةٍ.

Maksudnya: *Isyiqāq* adalah pengambilan suatu bentuk daripada bentuk yang lain, dengan memperhatikan keselarasan kata dasarnya, seperti makna, dan bentuk susunannya, supaya bentuk yang kedua sentiasa menunjukkan makna daripada bentuk yang pertama, dengan menambahkan fonen-fonem tertentu yang berfaedah.

Berdasarkan pengertian di atas, maka semua perkataan yang diambil atau diterbitkan daripada perkataan ذَهَبَ (telah pergi), sebagai kata dasar, dapat dibentuk dalam pelbagai bentuk, seperti يَذْهَبُ (sedang atau akan pergi), ذَاهِبًا (dibawa), مَذْهُوبٌ (kepergian), ذَاهِبٌ (orang yang sedang pergi), ذَاهِبٌ (orang yang dipergikan), لا تَذْهَبْ (pergilah), إِذْهَبْ (jangan kamu pergi).

7.2.1 KN Terbitan Kecil (*Isytiqāq al-Asghar*)

Isytiqāq ini sangat terkenal di kalangan penutur dan ahli linguistik Arab, baik dahulu maupun sekarang. Apabila mereka membincangkan masalah isytiqāq, maka tak lain perhatian dan tumpuan mereka hanyalah terhadap isytiqāq kecil.

‘Abdullāh Amīn (1956 : 1) mendefinisikannya:

هُوَ التِّرَاعُ كَلِمَةٌ مِّنْ أُخْرَى بِتَغْيِيرٍ فِي الصِّيَغَةِ مَعَ تَشَابُهِ بَيْنَهُمَا فِي الْمَعْنَى
وَالْتَّفَاقِ فِي الْأَحْرُفِ الْأَصْلِيَّةِ وَفِي تَرْتِيُّبِهَا.

Maksudnya: Isytiqāq kecil ialah pengambilan perkataan dari perkataan yang lain, melalui perubahan bentuknya, tetapi tetap menjaga keselarasan makna, huruf asal dan susunannya di antara perkataan asal dan perkataan yang diterbitkan.

Daripada definisi di atas, jelaslah bahawa BA merupakan bahasa yang hidup dan mampu menerbitkan perkataan yang baru, dan setiap perkataan yang diterbitkan itu menunjukkan hubungannya dengan perkataan yang asal (kata dasar), sama ada dilihat dari segi lafażnya ataupun maknanya. Ahli linguistik terkemuka, Ṣubḥy al-Ṣāliḥ (1960 : 185), dalam bukunya *Dirāsāt fī Fiqh al-Lughah*, mengatakan:

فَالرَّابِطَةُ الْعَنْتَرِيَّةُ الْعَامَّةُ لِمَادَّةٍ (ع . ر . ف) الَّتِي تُهْنِدُ الْكِتَابَ الشَّيْءَ
وَظُهُورُهِ تَحْقِيقٌ فِي جَمِيعِ الْكَلِمَاتِ الْأَتِيَّةِ: عَرْفٌ، تَعْرِفُ، تَعْارَفُ، عَرَفَ،
إِغْرِفُ، تَعْرِيفٌ، مَعْرِفَةٌ... ... وَهَكُذا ذَوَالِيَّنَ.

Maksudnya: Hubungan makna secara am bagi kata ع / ر / ف yang mempunyai makna “mengenal /mengetahui”. Makna tersebut terdapat pada perkataan-perkataan yang diterbitkan, seperti berikut: ‘arafa (tahu), ta’rifu (anda mengetahui), ta’aruf (perkenalan), i’rif (ketahuilah), ta’rif (definisi), ma’rifah (pengetahuan).... ... dan seterusnya..

Perlu dijelaskan di sini bahawa selain jenis-jenis isyiqāq di atas, menurut ‘Abdullah Amin (1376:31-32) terdapat juga jenis isyiqāq lain yang terdiri daripada kata nama jati (*sim jāmid*) seperti pada contoh-contoh berikut:

١ - أَسْمَاءُ الْأَعْيَانِ (nama-nama benda). Contoh:

- اسْتَحْجَرَ الطِّينُ، أَيْ صَارَ حَجَرًا - (Lumpur itu menjadi batu).

- اسْتَوْتَقَ الْجَمَلُ، أَيْ صَارَ كَالْتَاقَةِ - (Unta itu menjadi tua).

٢ - أَسْمَاءُ الْأَزْمِنَةِ (Kata nama yang menunjukkan makna masa). Contoh:

- اشْتُوْا، أَيْ دَخَلُوا فِي الشَّتَاءِ (Mereka masuk pada musim dingin).

- أَمْسَى، أَيْ: دَخَلَ فِي الْمَسَاءِ (Ia masuk pada waktu petang)

- أَصْبَحَ، أَيْ: دَخَلَ فِي الصَّبَاحِ (Ia masuk pada waktu pagi).

- أَضْحَى، أَيْ: دَخَلَ فِي الصُّبْحِيِّ (Ia masuk pada waktu duha).

٣ - أَسْمَاءُ الْأَمْكَنَةِ (KN yang menunjukkan makna tempat). contoh:

- بَصَرَ الْقَوْمُ، أَيْ: دَخَلُوا فِي الْبَصْرَةِ - (Mereka memasuki kota Başrah)

- إِنَّهُمْ الرَّجُلُ، أَيْ: أَنَّ -

- إِنِّي تِهَامَةٌ - (Ia tiba di Tihāmah).

- عَرَقَ الْقَوْمُ، أَيْ: أَنْتُمُ الْعِرَاقُ - (Mereka tiba di Irāq).

7.2.2 KN Terbitan Besar (*Isytiqāq Kabīr*)

Jenis isytiqāq ini amatlah berbeza dengan jenis isytiqāq kecil, kerana jenis ini prosesnya melalui penukaran kedudukan fonem. Penukaran tersebut tentulah mengakibatkan perubahan makna, sekalipun secara am di antara perkataan-perkataan itu mengandungi makna yang sama. Imīl Bādī‘ Ya’qūb (1982: 198) mendefinisikannya:

هُوَ أَنْ يَكُونَ بَيْنَ كَلِمَتَيْنِ مُنَاسِبَتَيْنِ فِي الْلَّفْظِ وَالْمَعْنَى دُرْدُنَ تَرْتِيبٌ الْحُرُوفِ

Maksudnya: Isytiqāq kabīr (besar) ialah apabila di antara dua perkataan terdapat keseragaman lafaz dan makna, bukan susunan huruf.

Berdasarkan kaedah ini, al-Khalīl bin Ahmad al-Farāhidī, dalam bukunya “al-‘Ayn” (Jld. 1,1967 : 66) mengatakan bahawa :

perkataan yang mengandungi dua huruf kata akar, dapat ditukarbalikkan suku katanya sehingga dua kali. Perkataan yang mempunyai tiga huruf kata dasar dapat ditukarbalikkan suku katanya sehingga enam kali. Perkataan yang mempunyai empat huruf kata dasar dapat ditukarbalikkan suku katanya sehingga dua puluh empat kali, dan yang mempunyai lima huruf kata dasar dapat ditukarbalikan suku katanya sehingga seratus dua puluh kali. Selanjutnya beliau mejelaskan bahawa perkataan-perkataan tersebut yang diguna pakai dalam penuturan BA hanyalah sedikit, sedangkan yang tidak (muhamal) lebih banyak.

Contoh-contoh berikut ini yang dipetik daripada linguis Arab iaitu ‘Abd al-Wāḥid Wāfy dalam bukunya “*Fiqh al-lughāt*” (1945: 184) akan lebih menguatkan huraian di atas:

وَاصْنَوَاتُ "رَكِبٌ" تَذَلُّ عَلَى الْأِجْتِهَادِ وَالْمَشَقَّةِ كَيْفَمَا اخْتَلَفَتْ تَرْتِيبُهَا فَيُوجَدُ
هَذَا الْمَعْنَى فِي جَمِيعِ تَرْكِيْبِهَا السُّتُّةِ.

Maksudnya: Fonem-fonen yang terdapat pada perkataan "rakiba" menunjukkan makna yang sungguh-sungguh. Makna tersebut didapati dalam berbagai-bagai bentuk dengan menukar kedudukan fonemnya sampai enam kali.

3- Jadual 7.2 KN terbitan jenis besar, sebagai contoh kata akar "rakiba" (رَكِبَ).

رَكِبَ	Rakiba	Naik
كَرِبَ	Karuba	Sedih/susah
بَرَكَ	Baraka	Berjalan dengan lutut
رَبَكَ	Rabaka	Tenggelaam
بَرَكَ	Bakara	Pagi-pagi

Kata-kata di atas secara am memiliki makna yang sama iaitu *al-juhdu wa al-masyaqqaṭ* (kesungguhan / kesusahan).

7.2.3 KN Terbitan Paling Besar (*Isytiqāq Akbar*)

Isytiqāq ini dalam BM maknanya "yang paling besar". 'Abd Ghaffār Hāmīd Hilāl (1995: 261) telah membuat kajian yang cukup mendalam mengenai teori ini dalam bukunya *al-'Arabiyyaṭ Khaṣā'isuhā wa Simātuhā*, beliau mendefinisikannya:

هُوَ مَا أَنْجَدَ فِيهِ الْمُشْتَقُ وَالْمُشْتَقُ مِنْهُ فِي بَعْضِ الْحُرُوفِ وَأَخْتَلَفَ فِي الْبَاقِي،
وَكَانَ الْمُخْتَلَفُ فِيهِ مُتَحِدًا مُخْرَجًا أَوْ صِفَةً

Maksudnya: Isytiqāq akbar (yang paling besar) ialah persamaan dan perbezaan sebahagian fonem-fonem dalam kata terbitan dan yang diterbitkan. Fonem-fonem yang berbeza itu memiliki sifat dan makhraj yang sama.

Ibn Jinnīy, seorang pakar linguistik BA klasik yang terkenal, dalam bukunya *al-Khaṣāiṣ*, (1371 H) telah mengkaji secara teliti, dan membuat contoh-contoh beberapa perkataan yang mengandungi fonem-fonem yang sama makhrajnya, seperti perkataan yang berikut:

Pertama : perkataan “sadda dan ṣadda” (سَدٌ وَصَدٌ) (penghalang).

Dua huruf : s (س) dan ṣ (ص) yang terdapat pada kedua-dua perkataan di atas adalah dua huruf yang sama makhrajnya, iaitu hujung lidah, dan apabila dilihat dari segi makna secara am kedua - dua perkataan tersebut memiliki makna yang sama, iaitu “penghalang”, walaupun hakikatnya ia berbeza. Perbezaan itu disebabkan oleh perbezaan suku kata pertama, iaitu fonem ṣ (ص) pada perkataan ṣadda (صَدٌ) yang maknanya lebih kuat daripada fonem s (س) pada perkataan sadda (سَدٌ لِلنَّقْبِ) (penghalang bagi pintu), seperti: سَدٌ لِلْبَابِ (penghalang bagi pintu) (سَدٌ لِلنَّقْبِ) (tutup mulut botol), رَصَدٌ أَمَامَ الْجَبَالِ (penghalang di depan jalan yang menuju gunung ganang), رَصَدٌ أَمَامَ الْعَدُوِّ (penghalang di hadapan musuh).


Makna penghalang, pada kedua-dua contoh yang terakhir, pada hakikatnya mengandungi makna yang lebih serius dan kuat berbanding dengan makna penghalang pada kedua-dua contoh yang pertama.

Kedua : perkataan نَهْجُ وَنَضْخُ (air mengalir).

Huruf *h* (ح) dan *khā'* (خ) pada kedua-dua perkataan tersebut merupakan huruf ḥalaq, yang sebutannya daripada ḥalqūm. Secara am kedua-dua perkataan itu mengandungi makna yang sama, iaitu سَيْلَانُ الْلَّاءِ (air mengalir). Walaupun demikian, apabila diteliti secara detail, maka kedua-duanya mengandungi makna yang berbeza. Ini disebabkan oleh perbezaan fonem *h* (ح) pada perkataan *nadhūn* (مضْحَن), yang mengandungi makna air mengalir dengan perlahan-lahan, sedangkan fonem *kh* (خ) pada perkataan *naḍkhūn* (نَضْخَن), yang mengandungi makna air mengalir dengan deras atau laju. Dengan perkataan lain, perbezaan makna pada kedua-dua perkataan itu kerana perbezaan dua fonem *h* (ح) dan *kh* (خ). Ketentuan ini seperti firman Allāh:

﴿فِيهِمَا عَيْنَانِ نَصَاخَتَانِ﴾

Maksudnya: Di dalam kedua-dua suyrga itu ada mata air yang memancar (Surah al-Rahmān :66)



25-Gambar rajah 7.1 Jenis-Jenis KN Terbitan BA

7.3 Faedah dan Keistimewan KN Terbitan (*Isytiqāq*)

Seperti yang telah dikatakan di atas, bahawa salah satu keistimewaan perkataan BA ialah memiliki kaedah “*isytiqāq*”. Keistimewaan ini bagi memperkayakan perkataan BA seperti yang diperkatakan oleh ‘Abd Karīm al-Rā’īdī (1988: 55):

إِنْ مِيَزَةً الْاِشْتِقَاقِ فِي الْعَرَبِيَّةِ قَدْ أَكْسَبَتْهَا ثُرْوَةُ فِي الْأَلْفَاظِ تَشَامِي عَلَى مَرْأَةِ
الْعُصُورِ وَمَرْوِنَةِ تَسْتَجِيبِ بِهَا لِمُقْضَيَاتِ الْحَيَاةِ .

*Maksudnya: Sesungguhnya keistimewaan *isytiqāq* dalam BA ialah untuk memperbanyak perbendaharaan kata seiring dengan kemajuan dan perkembangan zaman, yang boleh memenuhi tuntutan kehidupan.*

Oleh itu, tidaklah hairan apabila terdapat banyak perbendaharaan kata dalam BA, sehingga linguis BA tidak dapat menghitungnya secara keseluruhan. Demikian itu diakui oleh al-Suyūṭī, dalam bukunya “al-Muzhīr” (Jld.1,t.t. 74 -75) yang bermaksud:

Memandangkan banyaknya perkataan BA, sehingga tidak ada seorang pun dari pada kalangan ahli bahasa yang dapat menghitungnya secara terperinci. Khalil bin Ahmad al-Farāhīdī telah berusaha menghitung perkataan BA untuk julung kalinya

secara *riyādiyyat* (matematik), iaitu mengumpulkan huruf-huruf *hijāiyah*, kemudian dibentuk segi tiga dan menukar-nukarkan posisi huruf-hurufnya sehingga menghasilkan lebih daripada dua belas juta perkataan. Daripada jumlah tersebut, terdapat beberapa perkataan yang digunakan dan yang tidak digunakan, dan yang tidak mengandungi makna.

Sebagai bukti bahawa BA kaya dengan perbendaharaan kata, iaitu suatu kajian terhadap kamus-kamus BA dengan perincian jumlah perkataan perkataan yang tidak berimbuhan (*al-mujarradāt*) sebanyak 7220 (tujuh ribu dua ratus dua puluh), dan perkataan yang berimbuhan (*al-mazīdāt*) sebanyak 12032 (dua belas ribu tiga puluh dua). Sedangkan perkataan dari jenis kata akar bahasa Siryāni, Hibrew, Habsyah, dan Akādiyyah sebanyak 4951 (empat ribu sembilan ratus lima puluh satu) akar kata, dan perkataan yang berimbuhan (*al-mazīdāt*) sebanyak 8610 (lapan ribu enam ratus sepuluh) (Lihat, *al-Majallat al-'Arabiyyat al-Kuwitiyyat*, terbitan 81/1965: 102).

'Abd Karīm al-Rā'īdiy (1988: 59) menguatkan bahawa "kamus-kamus BA mengandungi perkataan tidak kurang dari sepuluh ribu perkataan. Oleh yang demikian, perkataan BA jauh lebih banyak berbanding dengan perkataan-perkataan bahasa lain, terutamanya Bahasa Inggeris (BI)". Ini diakui oleh Dāwūd Hilmīy (1978: 184) yang mengatakan:

نَجِدُ الْأَلْفَاظَ الْأَيْجِيلِيَّةَ لَا تَصِلُ إِلَى نِصْفِ مِلْيُونٍ فِي الطَّبْعَةِ الثَّالِثَةِ لَا كُبْرَى
المُتَجَمِّعِ

Maksudnya: Kami dapati perkataan dalam bahasa Inggeris (BI) tidak sampai setengah juta, pada kamus cetakan ketiga yang terbesar.

Perlu dijelaskan di sini, bahawa selain daripada keistimewaan perkataan BA di atas, faktor lain yang turut menyumbang banyaknya perkataan BA ialah teori *al-mutarādīfāt* (sinonim), iaitu berbagai-bagai perkataan yang mempunyai makna yang sama. Jenis perkataan ini sengaja penulis kemukakan dalam bab ini, kerana ia merupakan salah satu jenis kata nama, yang menyumbangkan kepelbagaiannya perkataan BA khasnya. Namun kenyataan ini masih diperselisihkan oleh kalangan linguis Arab. Lht. Imīl Badī' Ya'qūb (1986: 175, dan Ibrahim Anīs 1965: 176).

7.4 KN Terbitan (*Isytiqāq*) dalam BM

Perkataan terbitan dalam BM adalah bentuk perkataan yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan pada kata dasar. Pengimbuhan ini melahirkan bentuk perkataan yang dikenali sebagai kata terbitan. Menurut Mohd Iskandar Yusuf (tt.15-16) imbuhan itu dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu:

a-awalan

b-akhiran

c-apitan

d-sisipan

Menurutnya (Ibid), nama-nama terbitan juga boleh diklasifikasikan kepada empat jenis iaitu bagi manusia, haiwan, benda konkrit dan benda abstrak.

a Bagi manusia

Awalan (pe), Contoh: pelari, penulis, pemimpin, pelajar, pemerintah, peniaga, penduduk, pengarang, penakluk, pengembara, pelukis, pelaut.

Awalan (ke). Contoh: kekasih, ketua.

Akhiran (an). Contoh: tawanan, utusan, tahanan

Akhiran (nda). Contoh: adinda, kakanda, bonda, ayahanda, mamanda, nanda, cucunda

Akhiran (man). Contoh: budiman, seniman,

Akhiran (wan). Contoh: angkasawan, bahasawan, dermawan, hartawan, negarawan, sastrawan, sejarawan, sukarelawan, wartawan, olahragawan.

Akhiran (is). Contoh: cerpenis, nobelis, nasionalis, sosialis.

Akhiran (us). Contoh: politikus, kritikus

b Bagi haiwan

Akhiran (an). Contoh : ternakan, buruan.

c Bagi benda konkret.

Awalan (pe). Contoh: pemotong, pemukul, penggaris, penyapu, penggali, penjahit, pengangkut, penahan, pengukur, pendayung.

Akhiran (an) .Contoh: anyaman, lukisan, daratan, jualan, kotoran, lautan, makanan, manisan, minuman.

Awalan (pe) “ r ” dan akhiran (an) . Contoh: pelabuhan, perhentian, persinggahan.

Awalan (ke) dan akhiran (an) .Contoh : kedutaan, kepulauan

d Bagi benda abstrak

Awalan (pe) .Contoh: penyakit, pengeras, penguat, penawar, penghalus, pemanis.

Awalan (ke).Contoh: kehendak, kedekut, kemari.

Akhiran (an).Contoh: asuhan, ingatan, kajian, lantikan, fikiran, sumbangan.

Akhiran (wan) .Contoh: belanjawan

Awalan (pe) “ r ” dan akhiran (an).Contoh: pengajian, pemerintahan, perniagaan, pendahuluan

Awalan (ke) dan akhiran (an).Contoh: keagungan, keaslian, keadaan, kedudukan, kemegahan,kekayaan, kebesaran, kedaulatan.

Lihat juga Nik Safiah Karim (1997: 69).

7.5 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Dalam kedua-dua bahasa (BA dan BM), terdapat perkataan yang dikenali sebagai “ *Musytāq* ” (dalam BA), atau dikenali sebagai “kata terbitan” (dalam BM).

2-Pola *musytāq* BA adalah melalui *penerbitan perkataan* dari maṣdar atau dari kata akarnya, sedangkan pola BM melalui *penambahan fonem*, seperti contoh-contoh di atas.

3-Kata terbitan (شَفَاعَةٌ) dalam BA terbahagi kepada tiga bahagian.

Pembahagian seperti ini tidak terdapat dalam BM, kerana kata terbitan dalam BM mengikut kepada pengimbuhan fonem, sama ada awalan, akhiran atau apitan, tidak melalui proses fleksi (pentaşrifan) seperti BA.

4-Dalam BA terdapat kata nama terbitan dari jenis kata jati (*ism jāmid*), seperti pada contoh-contoh di atas. Pola kata nama terbitan jenis ini tidak terdapat dalam BM.

7.6 Akronim (*al-Naḥt*) dalam BA

Selain daripada perkataan-perkataan yang digolongkan sebagai jenis terbitan (*musytāq*) dalam BA ialah kata akronim. Pola ini dicipta mengikut acuan wazan morfologi dan diperkatakan oleh linguis-linguis Arab sejak dahulu hingga kini. Pola tersebut selain untuk tujuan ringkasan (*iḥtiṣar*) dan juga untuk memperkayakan perkataan BA, seperti yang dikatakan oleh Dr. Tawfiq Muḥammad Syāhīn (1993: 121):

إِنَّ الْثُروَةَ الْلُّفْظِيَّةَ فِي الْلُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ سَبَبُهَا النَّحْتُ وَالْفَاظُ الصِّيغِ الْسَّمَاعِيَّةِ.

Maksudnya: Kekayaan perkataan BA sebabnya adalah *al-naḥt* (akronim) dan *ṣīghat-ṣīghat* lain yang digolongkan samā'iyy.

Hakikat ini telah dikukuhkan juga oleh Ismā'īl Mažhar (tt:26) dalam bukunya *Tajdīd al-al-‘Arabiyyat* yang mengatakan:

إِعْلَمُ أَنَّ لِلرُّبَاعِيِّ وَالْخَمْسِيِّ مَذْهَبًا لِلْقِيَاسِ يَسْتَبَطُهُ النَّطَرُ الدَّاِقِيقُ.

Maksudnya: Bahawa perkataan BA yang terdiri daripada empat atau lima huruf dapat diqiyaskan yang dilakukan secara berhati-hati dan teliti.

Oleh yang demikian sepertimana yang telah disebutkan di atas bahawa tidak ada seorangpun yang dapat menghitung perkataan BA secara pasti , apatah lagi pada alaf baru ini, kerana tidak sedikit penemuan-penemuan yang muncul

yang dicapai oleh penutur bahasa. Maka pola akronim salah satu pola yang sangat penting bagi tujuan tersebut. Jenis perkataan tersebut telah dirasmikan oleh *Lembaga Bagasa Arab Kaherah* (1948:7 / 158). Hal ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Tawfiq Muhammed Syahīn (1993:13):

وَالْحَقُّ، أَنَّ النَّحْتَ قَدْ أَصْبَحَ الْيَوْمَ مِنَ الْوَسَائِلِ الْمُفَضِّلَةِ لِصَنْعِ الْكَلِمَاتِ
الكثِيرَةِ الَّتِي تَحْتَاجُ إِلَيْهَا الْحِضَارَةُ، وَلَا سِيمَّا فِي مَجَالِ الْأَذْوَى وَالْمَؤَسَّسَاتِ
وَالْمُخْتَرَعَاتِ.

Maksudnya: Pola akronim (*al-naḥt*) pada hari ini merupakan keperluan yang tidak dapat dielakkan oleh penutur bahasa, bagi mencipta perkataan-perkataan baru untuk memenuhi tuntutan yang diperlukan oleh kepeseran tamadun, terutamanya dalam bidang perubatan, agensi-agensi (NGO), dan penemuan-penemuan baru..

Beliau menambah lagi (*Ibid*: 126) yang bermaksud:

Pola akronim pada masa ini lebih diperlukan daripada masa dahulu.

Masyarakat pedesaan (Badawi Arab) dahulu hidup sangat sederhana, maka perkataan-perkataan yang dituturkan pun demikian. Tetapi bila tamadun manusia semakin meluas dan maju, maka keperluan untuk pengembangan dan mempelbagaikan perkataan semakin mendesak. Hakikat ini telah disedari oleh kalangan linguis Arab termasuk juga dengan kehadirannya pola al-Naḥt (akronim). Demikian itu seperti yang telah dilakukan oleh linguis-linguis Arab dahulu. Kalau tidak, maka bekulah bahasa Arab disebabkan oleh kebekuan penuturnya.

Dalam kajian ini penulis akan membahagikan jenis-jenis akronim sepertiuraian sebagai berikut :

7.6.1 Pembahagian Akronim

Linguis Arab telah membahagikan akronim kepada lima bahagian seperti berikut :

- 1-Akronim kata nama
- 2-Akronim ayat nama (jumlat ismiyyat)
- 3-Akronim kata sifat
- 4-Akronim kata nisbah.

Dari pembahagian akronim-akronim di atas, penulis akan menghuraikan secara terperinci seperti dibawah ini:

7.6.1.1 Akronim KN

Iaitu jenis akronim yang dihasilkan melalui percantuman dua perkataan yang berlainan sehingga menjadi satu. Contoh yang dikemukakan ialah seperti:

جَلْمُودْ جَلَدْ yang berasal dari dua perkataan (kuat) dan (pejal) seperti

dalam bait syi'r:

مِكَرٌ مِفَرٌ مُقْبِلٌ مُدْبِرٌ مَعًا
كَجَلْمُودْ صَخْرٍ حَطَّةُ الْسَّيْلِ مِنْ عَلَى

Maksudnya: Pejuang itu maju mundur secara berterusan, bagi memastikan kejayaannya dalam peperangan, bagikan setumpuk batu yang licin terkena hujan secara berterusan.(Lht Hasan Saziliy Farhud (1976)

7.6.1.2 Akronim Ayat Namaan

Selain daripada jenis akronim di atas, terdapat akronim yang dikenali sebagai *jumlat ismiyati*, seperti contoh yang dirakamkan oleh Ibn Salama al-Kūfiyy (1960: 31) dalam bukunya “*al-Fākhir*” Contoh-contoh yang dikemukakan seperti: البر قلة (kilat tanpa hujan), البر قلة (البر قلة) dari البر قلة (sesungguhnya Allah dilihat tanpa dengan cara), فذلك العدد كذا وكذا (maka bilangan itu sekian-sekian.), فذلك العدد كذا وكذا (الفذلكة) dari perkataan: فذلك العدد كذا وكذا (jika Tuhan menghendaki), فذلك العدد كذا وكذا (bagi keluarga Bani al-Hārith Bin Ka'ab). Lihat juga 'Abbās Hasan (1969: 245) dalam bukunya *al-Nahw Bayn al-Qadīm wa al-Jadīd*.

7.6.1.3 Akronim Kata Sifat

Jenis akronim yang ketiga ialah berupa kata sifat, iaitu percantuman dua kata sifat yang berlainan. Contoh yang dikemukakan oleh al-Tha 'ālabiy (1373: 355) perkataan: الصَّلْدُ وَصَلْقٌ (suara yang kuat), الصَّلْدُ وَصَلْقٌ (kuat) dari صَلْدٌ وَصَلْقٌ (tegang dan kuat).

7.6.1.4 Akronim Kata *Nisbat*

Pola akronim yang keempat ialah kata *nisbat*. Jenis ini berasal daripada pola kata majmuk (*muḍāf* dan *muḍāf ilyh*) yang mengandungi makna *nisbat* setelah berlaku pengakroniman, seperti contoh yang dikatakan oleh 'Abd Yaghūth al-Hārithiy:

كَانَ لِمَرْقُبِي أَسِيرًا يَعَايَا
وَتَضَنَّحُكُمْ شِيخَةُ عَبْشَمِيَّةٍ

Maksudnya: Seorang wanita tua dari qabilat 'Absyamiyat mengetawakan saya sebagai seorang tawanan, seperti dia tidak mengetahui sebelum saya tawanan-tawanan dari negeri Yaman (Lht. Ibn Fāris 1377 H.Jld.1:99)

Dan 'Abdullah Bin Qays al-Ruqayyāt:


وَجِسَانٌ مُثْلِ الدُّمَى عَبْشَمِيَّةٌ
تِغْلِيْهِنَّ بَنْجَةً وَحَيَاءً

Maksudnya: Betapa banyak wanita-wanita dari negeri 'Absyamiyat bagaikan gambar dan ukiran patung, yang di penuhi dengan hiasan(Lht. Diwān Ibn Qais al-Ruqayyāt 1378: 88)

Kalau diteliti secara detail kedua-dua perkataan عَبْشَمِيَّاتُ dan عَبْشَمِيَّةٌ yang terkandung dalam dua bayt syair di atas adalah berasal daripada pola majmuk (*iḍāfah*), iaitu: عَنْ شَمْسٍ kemudian diubah menjadi pola akronim akhirnya menjadi عَبْشَمِيَّ yang mengandungi makna nisbah (Lht. Pola *nisbat* 321). Terdapat beberapa contoh-contoh lain yang dikemukakan seperti: عَبْدِ رَى

berasal daripada perkataan: عبدُ الدَّارِ (nama seorang), عَبْسِي berasal daripada perkataan عَبْسٍ (nama seorang), عبدُ الْقَيْسِ berasal daripada perkataan عبدُ الْقَيْسِ (nama seorang), dan lainnya .Liht.Imil Badi' Ya'qub (1982 : 210).

Sepertimana telah dihuraikan di atas bahawa kewujudan pola ini selain bagi tujuan kependekan adalah bagi memperkayakan perbendaharaan kata. Oleh yang demikian akronim sejak dahulu hingga kini sentiasa berperan penting bagi menuturkan pelbagai keadaan, sehingga penutur BA sejak dahulu hingga kini akan menggunakan dan menuturkan perkataan-perkataan yang sentiasa baru. Contoh yang dikemukakan seperti: خَرْيَجُ كُلْبَةٍ كُلْغَرِي berasal dari كُلْغَرِي (lulusan Fakulti Bahasa Arab), اللَّجْأَةُ الْعَرَبِيَّةُ الخَرْيَجُ berasal dari perkataan درْعَمِي (lulusan Universiti Dar al-'Ulūm), أَنْفُسِي كُلْبَةٍ دَارُ الْعُلُومِ berasal dari perkataan الأنفُسُ الْفَمُّي (hidung dan mulut), dan lain-lain. Lht Taufiq Muhammad Syâhîn (1993 : 130).



26-Gambar Rajah 7.2 Jenis-Jenis KN Akronim BA.

Sebagai makluman bahawa dalam BA terdapat jenis akronim yang lain seperti berupa ayat kerja dan huruf.

7.7 Akronim dalam BM

Sepertimana yang telah dihuraikan dalam BA di atas bahawa akronim adalah proses perubahan perkataan yang menjurus kepada teori morfologi, atau kependekan yang berupa gabungan huruf atau suku kata, atau bahagian lain yang ditulis dan dilafazkan sebagai satu perkataan kependekan. Kenyataan sedemikian ini selari dengan apa yang didefinisikan oleh Nik Safiah Karim (1993 : 105) yang mengatakan bahawa akronim ialah “ *Perkataan yang dihasilkan melalui pencantuman bahagian-bahagian daripada serangkaian perkataan. Bahagian-bahagian perkataan itu boleh terdiri daripada huruf-huruf, suku-suku kata, atau bahagian-bahagian daripada perkataan.*

Menurutnya (Ibid) berdasarkan cara pencantuman bahagian-bahagian perkataan itu, maka kata akronim boleh dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu :

- (i) kata akronim cantuman huruf awal perkataan-perkataan.
- (ii) Kata akronim cantuman huruf dan suku kata bagi tujuan penyedapan sebutan.
- (iii) Kata akronim cantuman suku kata awal perkataan-perkataan.
- (iv) Kata akronim cantuman bahagian awal perkataan pertama dengan bahagian lain perkataan yang mengikutinya.

(i) Kata akronim cantuman huruf awal perkataan, iaitu kata akronim yang dibentuk melalui pencantuman huruf awal beberapa perkataan kebanyakannya terdiri daripada nama-nama khas tertentu. Contohnya:

LUTH	(Lembaga Urusan dan Tabung Haji)
ABIM	(Angkatan Belia Islam Malaysia)
IPTAR	(Institut Penyiaran Tun Abdul Razak)

(ii).... Kata akronim cantuman huruf dan suku kata perkataan bagi tujuan penyedapan sebutan.

Kata akronim jenis ini dihasilkan daripada cantuman huruf dan suku kata sejumlah perkataan untuk tujuan penyedapan sebutan. Contohnya :

Proton	Perusahaan Otomobil Nasional
Mara	Majlis Amanah Rakyat
Intan	Institut Tadbiran Awam Negara
Cepumas	cepu emas

(ii) Kata nama akronim cantuman suku kata awal perkataan. Kata akronim jenis ini dibentuk melalui percantuman suku kata awal sejumlah perkataan. Contoh:

Tadika	taman didikan kanak-kanak
Pawagam	panggung wayang gambar
Kugiran	kumpulan gitar rancak
Cerpen	cerita pendek

(iv) Kata nama akronim cantuman bahagian awal perkataan pertama dengan bahagian lain dalam perkataan yang mengikuti. Kata akronim jenis ini

dibentuk melalui huruf atau suku kata perkataan pertama dengan bahagian bukan awal perkataan-perkataan yang lain. Contoh:

Asbut	asap kabut
Jentoloak	jentra tolak
Purata	pukul rata

7.8 Aspek Persamaan dan Perbezaan

Dalam kedua-dua bahasa BA dan BM terdapat pola akronim, dan mempunyai tujuan yang sama, iaitu bagi memperkayakan perkataan kedua-dua bahasa, di samping tujuan singkatan atau kependekan, walaupun terdapat beberapa perbezaan seperti berikut ini:

- 1 -Pola akronim dalam BA menjurus kepada wazan morfologi, dan terdiri daripada berbagai-bagai jenis, sama ada berupa kata nama, ayat namaan (*jumlat ismiyyah*) kata sifat dan mansub, di samping jenis akronim lainnya seperti kk, ayat kerjaan dan huruf. Penjenisan seperti ini tidak terdapat pada akronim BM, kerana akronim BM berupa kata nama yang mempunyai ciri-ciri cantuman seperti jenis-jenis cantuman pada pembahagian akronim di atas, dan tidak menjurus kepada wazan kerana BM bukan bahasa fleksi. (*Mutaṣarrif*)
- 2 -Dalam BA dan BM terdapat akronim yang berupa rangkaian huruf-huruf sebagai singkatan atau kependekan suatu perkataan, yang masing-masing huruf tersebut mengandungi makna perkataan nama tertentu , seperti pada contoh-contoh di atas.

7.9 Jenis-Jenis KN Terbitan (*Ism Musytāq*) dalam BA

Huraian sebelumnya lebih menitikberatkan teori ism musytāq dan pembahagiannya, baik dalam BA maupun BM. Sedangkan huraian pada kajian ini akan lebih menitikberatkan jenis-jenis ism musytāq. Dengan perkataan lain, huraian ini merupakan ekoran daripada huraian sebelumnya, dengan merujuk pada pendapat yang dikatakan oleh ‘Abd al-Ghaffār Ḥāmid al-Hilāliy dalam bukunya “*Al’arabiyat Ḥkaṣāiṣuhā wa simātuhā*” (1995: 241), yang membahagikan ism musytāq kepada tujuh bahagian (selain *māṣdar*). Sedangkan al-Ghalāiyī (1968: 160) membahagikannya kepada lapan bahagian (termasuk *ism māṣdar*), beliau menjelaskan bahawa ism-ism tersebut dikenali sebagai *الأشْمَاءُ الْمُشَبِّهُةُ بِالْأَفْعَالِ* (ism-ism yang serupa dengan fi'l-fī'lnya). Ism-ism tersebut menurutnya adalah:

Ism māṣdar, Ism fā'il (kata nama pelaku), sīghāt mubālagha, ḥīṣāt yang serupa dengan ism fā'il, ism maf'ūl (kata objek), ism tafḍīl (kata nama unggulan), kata keterangan waktu dan tempat, dan kata ālāt (ism alat)

7.9.1 Māṣdar

Jenis kata nama terbitan (*musytāq*) yang pertama ialah *māṣdar*, iaitu perkataan yang menunjukkan kejadian yang tidak mengandungi keterangan waktu. Pengertian tersebut seperti yang dikatakan ole Ahmad al-Hāsyimiy (1354 : 302)

هُوَ مَا ذَلِكَ عَلَى حَدَثٍ مُجَرَّدًا عَنِ الزَّمَانِ، مِثْلُ: قَصْرٍ وَإِكْرَامٍ.

Maksudnya: 'Perkataan yang menunjukkan perbuatan yang tidak mengandungi keterangan waktu, seperti pemendekan dan penghormatan.'

Seperti yang telah dikatakan di atas bahawa *maṣdar* ialah suatu perkataan yang mengandungi makna perbuatan abstrak, yang tidak dikaitkan dengan keterangan waktu, tempat, dan sebagainya. Kesimpulan ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Mālik, (Jld.2, t.t.: 121):

الْمَصْدَرُ اسْمُ مَا سِوَى الْوَمَانِ مِنْ مَذْلُومٍ كَافِرٍ كَافِرٍ مِنْ أَمِنْ

*Maksudnya: Maṣdar ialah kata nama, iaitu selain perkataan yang mengandungi zaman, yang dibentuk dari perkataan yang mengandungi dua madlūl (makna), seperti: kata *أَمِنْ* (*aman*) (*keamanan*) yang berasal daripada perkataan *أَمِنَ* (*amina*) (*telah aman*). Kata kerja itu mengandungi dua makna, iaitu kejadian dan zaman.*

7.9.1.1 Bentuk-Bentuk *Maṣdar*

Perkataan dalam BA selain dapat ditinjau dari segi maknanya, dapat pula dilihat dari segi pembentukannya. Dari segi pembentukannya, ia bergantung kepada bilangan huruf pada kata kerja, ada yang terdiri daripada tiga huruf atau lebih. Perbezaan bilangan huruf akan mengakibatkan perbezaan dalam makna. Dalam BA terdapat enam macam bentuk maṣdar seperti pada huraian di bawah ini:

- 1- Maṣdar-maṣdar bagi kata kerja yang terdiri daripada tiga huruf asal (*Maṣādir al-af'āl al-thulāthiyāt al-mujarradāt*)

2- Maṣdar bagi kata kerja yang terdiri lebih daripada tiga huruf asal (*Maṣādir ghayr al-thulāthiyāt*)

3- Maṣdar yang merujuk kepada makna bilangan sekali dan ṣīghat maṣdar yang menggambarkan keadaan perbuatan (*Maṣdar al-marraq wa al-hay'at*).

4- Maṣdar yang diawali dengan huruf mim (*al-Maṣdar al-mīmīy*).

5- Kata nama maṣdar (*Ism al-maṣdar*)

6- *al-Maṣdar al-ṣinā'īy*. (Lihat, Zayn Kāmil al-Huyskiy (1992: 457.)

7.9.1.1.A *Maṣdar* Daripada Tiga Huruf

Seperti yang telah dikatakan di atas bahawa kepelbagaian bentuk atau ṣīghat maṣdar akan mengakibatkan perbezaan dalam maknanya, seperti:

- Mengikut *wazan فُلَّات* (*fu'lāt*), apabila ṣīghat *maṣdar* tersebut menunjukkan

makna *warna*, seperti حُمْرَة - حُمْرَة (merah).

- Mengikut *wazan فُلَّات* (*fu'lāt*), apabila menunjukkan makna *tetap* (*thābit*),

seperti: يُوْسَة - يَسَّ (kering).

- Mengikut *wazan فِيَّال* (*fī'āl*), apabila menunjukkan makna *keengganan*, seperti

أَبَيْ - إِبَاء (keengganan).

- Mengikut wazan **فُعْلَانٌ** (*fu'lān*), apabila mengandungi makna *berulang-ulang*

atau *bergoncang-goncang* (*al-tuqālūh*), seperti: **غَلِيَ - غَلِيَّاً** (mendidih), **طَافَ - طَافِيًّا** (berputar-putar).

- Mengikut wazan **فُعَالٌ** (*fu'āl*), apabila menunjukkan makna *penyakit*, seperti:

رَكْمٌ - رَكَماً (demam).

- Mengikut wazan **فَعِيلٌ، فَعَالٌ** (*fa'il* atau *fu'āl*), apabila mengandungi makna

suara, seperti: **صَهْلٌ - صَهْلِيٌّ، صَرَخٌ - صَرَاخٌ** (menjerit, dan suara kuda).

Mengikut wazan **فَعِيلٌ** (*fa'il*), apabila menunjukkan makna *al-sair* (berjalan),

seperti: **رَجَلٌ - رَجِيلٌ** (berjalan).

- Mengikut wazan **فِعَالٌ** (*fi'āl*), apabila menunjukkan makna *aktiviti* seperti:

تَجَارَةٌ - تَجَارَرٌ، خَاطَرَةٌ - خَاطَرَرٌ (berniaga dan menjahit), atau menunjukkan makna

wilāyat (kekuasaan), seperti **وَلَيْةٌ - وَلَيْيَةٌ** (wilayah). Lihat, Zayn Kāmil al-

Huysky, (1992: 458-459.), dan 'Abbās Ḥasān, (Jld.3, t.t: 193-198.)

Perlu dijelaskan di sini bahawa maṣdar *fi'l thulāthī* dilihat dari jenis *fi'l*nya, terbahagi kepada dua bahagian, iaitu *thulāthīy muta'addīy* (transitif) dan *lāzīm* (intransitif). Huraian masing-masing adalah seperti berikut :

Apabila bilangan huruf *fi'lnya* terdiri daripada tiga huruf dan tidak menunjukkan makna aktiviti (*hirfat*), maka maṣdaranya mengikut wazan فَعْلُ (fa'l), seperti: وَعَدَ - رَغَدَ، وَهُمْ - فَهِمَا (perjanjian, pemahaman). Akan tetapi jika menunjukkan makna *hirfat* atau *sinā'aṭ*, maka maṣdaranya mengikut wazan فِعْلُ نِعَالَةً (*fi'alaṭ*), seperti contoh di atas.

Ibn Mālik (Jld.2, t.t. : 123) mengatakan:

فِعْلٌ قِيَاسِيٌّ مَصْنُورٌ الْعَدَى مِنْ ذِي ثَلَاثَةِ كَرَدَ رَدًا

Maksudnya: 'Wazan فَعْلُ (*fa'l*) merupakan bentuk maṣdar *qiyāsiy* dari *fi'l thulāthīy* yang dimutadikān (transitif), seperti: رَدَ - رَدَا (penolak).

Sepertimana maṣdar dari K.K tiga huruf yang transitif di atas, maṣdar yang terdiri daripada K.K tiga huruf tak transitif juga mempunyai berbagai-bagai bentuk. Kepelbagaian bentuk tersebut akan mengakibatkan perbezaan makna, seperti contoh-contoh di bawah:

1. Mengikut wazan فَعْلُ (*fa'l*), apabila tidak menunjukkan maka *hirfat* (pekerjaan) *sinā'aṭ* (aktiviti), warna, *wilāyat* (penguasaan), *mu'ālajat* (perubatan), seperti: كَفَرَحَ - فَرَحَا (kegembiraan). Demikian itu seperti apa yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Jld.2, t.t. : 123):

وَفَعْلُ الْلَّازِيمِ بَأْنَ فَعْلَ كَفَرَحَ وَكَجْوَى وَكَشْلَانَ

Maksudnya: 'Dan fi'l yang mengikut wazan فعل (fa'ilah lāzim) (intransitif), bentuk maṣdaranya harus diikutkan wazan فعل (fa'il), seperti حُرْيٰ-فُرَحٰ (kegembiraan) dan حُرْيٰ (kasih / cinta).'

2-Mengikut wazan فعولة (fu'ūlat), seperti: قَعْدَ - قُعْدَةً (duduk). Kenyataan

ini seperti apa yang dikatakan oleh Ibn Mālik Lht. (Jld.2, t.t. : 123-124):

3- Mengikut wazan فعال (fa'alat), seperti: ظَهَارَةً - ظَهَارَةً (nampak/jelas), atau فعال (fa'al), seperti هَاءُ - بَهُورٌ (cantik), atau فعولة (fu'ūlat), seperti سَهْلٌ - سَهْلٌ (kemudahan). Akan tetapi maṣdar tersebut amnya mengikut wazan fa'alat (Lihat, al-Kitāb, Jld. 2, 1983 : 223). Kenyataan tersebut sesuai dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Jld.2, t.t. : 125):

فَعُولَةٌ فَعَالَةٌ لِفَعْلَةٍ كَسَهْلٌ الْأَمْرُ وَرَيْدٌ جَزْلٌ

Maksudnya: Adapun maṣdar yang mengikut wazan فعولة (fu'ūlat) dan امْرٌ (fa'alat) adalah maṣdar bagi fi'l yang mengikut wazan صَعْبٌ - صَعْوَدَةٌ سَهْلٌ - سَهْلٌ (kemudahan), فَعْلٌ (kesukaran).

7.9.1.1.B Maṣdar Bukan Dari Tiga Huruf

Menurut al-Ghalāyīnīy, (Jld.1, 1968 : 161) bahawa siḡhaṭ maṣdar yang bukan dari K.K yang terdiri daripada tiga huruf adalah qiyāsī. Ertinya, bentuk maṣdar

itu memiliki kaedah yang dapat diqiasakan pada perkataan-perkataan yang lainnya. *ṣīghat-ṣīghāt*nya adalah seperti berikut:

1- *فَعَلَ - تَبْلِغَا* (*fa'al-taf'il*) , seperti: بُلَغَ - تَبْلِغَا (menyampaikan).

2- *أَكْرَمَ - إِكْرَامًا* (*akrām-if'āl*), seperti; أَكْرَمَ إِكْرَامًا (kemulyaan)

3- *فَاعَلَ - قِنَالًا - أَوْ مَقَائِلَةً* (*fā'ala, fi'āl* atau *mufā'ala*), seperti: فَاعَلَ فِعَالٌ أَوْ مُفَاعِلَةً

(peperangan).

4- *انْطَلَقَ - يَنْطَلِقُ - اِنْطَلَقَنَا* (*infa'ala-infi'āl*) , seperti: انْطَلَقَ - يَنْطَلِقُ - اِنْفَعَالًا

5- *اقْتَرَبَ - اِقْرَابًا* (*iqta'ala-ifti'āla*), seperti: اِقتَرَبَ - اِقْرَابًا (dekat).

6- *وَسْوَسَ - وَسْوَسَةً* أَوْ فَعْلَةً أَوْ فِعَالًا- (*fa'lala, fa'lalat* atau *fi'lālan*), seperti :

وَسْوَسَ (was-was).

was / keragu-raguan).

7- *تَعْلَمَ - تَعْلِمًا* (*tafa'ala-tafa'ula*) , seperti: تَعْلَمَ - تَعْلِمًا (belajar).

8- *تَدَحْرِجَ - تَدَحْرِجًا* (*tafa'lala-tafa'lula*, seperti: تَدَحْرِجَ - تَدَحْرِجًا (bergolek).

Ketentuan tersebut selari dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Lht. Jld.2,

t.t. : 126):

7.9.1.1.C *Maṣdar marraṭ*

Maṣdar jika dilihat dari segi bilangan maknanya, dikenali sebagai *maṣdar marraṭ*, iaitu salah satu pola maṣdar yang menunjukkan makna berbilang. Pengertian ini selari dengan apa yang dikemukakan oleh Zayn Kāmil al-Huyskīy (1992: 462) yang mendefinisikannya:

هُوَ مَصْدَرٌ يَبْلُغُ عَدْدَ مَرَاتِ حُصُولِ الْفِعْلِ

Maksudnya: Maṣdar marraṭ adalah maṣdar yang menunjukkan bilangan terjadinya perbuatan.

Sepertimana bentuk maṣdar-maṣdar yang sebelumnya, *maṣdar marraṭ* juga mempunyai berbagai-bagai bentuk, sesuai dengan bilangan asal huruf kata kerjanya, seperti penjelasan di bawah ini:

1-Mengikut wazan فَعَلَةٌ (*fa'lal*), apabila kata kerjanya terdiri daripada tiga huruf (*fi'l thulāthī*), seperti: سَجَدَ-سَجَدَةٌ (satu sujudan), رَكَعَ-رَكْعَةٌ (satu raka'at).

2-Apabila kata kerjanya bukan *thulāthī* (*bukan yang berasal daripada tiga huruf*), maka pola maṣdarnya mengikut bentuk maṣdarnya, hanya ditandakan *ta' marbūṭat* di akhirnya, seperti انْطَلَقَ-انْطَلَاقَةٌ (perlepasan).

7.9.1.1.D *Maṣdar Hay'at*

Maṣdar jika ditinjau dari segi bentuk perbuatannya dikenali sebagai *maṣdar hay'at*, yakni, maṣdar yang menjelaskan bentuk dan keadaan suatu perbuatan.

Kenyataan ini seperti apa yang dikatakan oleh al-Ghalāyīnīy (Jld. 1, 1968 : 172):

هُوَ مَا يُذْكُرُ لِبَيَانِ نَوْعِ الْفِعْلِ وَصِنْفِهِ.

Maksudnya: 'Suatu perkataan yang mengandungi makna bagi menjelaskan sifat atau jenis perbuatannya.'

Akan tetapi apabila dilihat dari segi pola atau wazannya, ternyata *maṣdar hay'at* hanya memiliki satu pola sahaja, iaitu mengikut wazan *fi'lāt* فعلة seperti:

قتل - قتلة، وَدَبَحَ - ذبحة (pembunuhan dan penyembelihan). Bentuk ini

sepertimana yang dapat kita baca dalam Hadits Nabi (s.a.w):

إِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَخْسِنُوا الْذَبْحَةَ، وَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَخْسِنُوا الْقِتْلَةَ.

Maksudnya: Apabila kamu menyembelih, maka lakukanlah penyembelihan itu dengan sebaik-baiknya, begitu juga apabila kamu membunuh, maka lakukanlah pembunuhan itu dengan sebaik-baiknya. (Kutub al-sittāj 1999. Kitāb al-ṣayd, bāb al-amr bi ihsān al-dhabh nombor : 5055-57).

Kedua-dua jenis *maṣdar marraq* dan *hay'at* di atas seperti yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Lht. Jld.2, t.t. : 132-133):

7.9.1.1.E Maṣdar *Mīmīy*

Dari segi lain ada *maṣdar* yang dikenali sebagai *maṣdar mīmīy*. Penamaan ini kerana huruf awal *maṣdar* tersebut berupa huruf *mīm*, seperti yang dikatakan oleh al-Ghalāyīnīy (Jld.1, 1968 : 173):

وَهُوَ مَا كَانَ فِي أُولَئِهِ مِنْ زَانِدَةَ كَمْعَلٍ وَمَعْرِفَةٍ وَمُنْطَلِقٍ.

Maksudnya: Suatu bentuk maṣdar yang ditambah huruf mim, seperti *ma'lam*, *ma'rifat*, dan *muṇṭaliq*.

Şīghaṭ maṣdar ini apabila dilihat dari huruf akarnya terbahagi kepada dua bahagian:

- *fi'l thulāthī* (kata kerja yang terdiri daripada tiga huruf), dan- *fi'l bukan thulāthī* (kata kerja yang terdiri lebih daripada tiga huruf). Setiap *şīghaṭ* atau wazannya akan diterangkan di bawah ini:

Fi'l thulāthīy (yang terdiri daripada tiga huruf)

1-Mengikut *wazan* مُفْعَلٌ (*maf'al*), apabila bukan dari jenis *fi'l mithāl* (kata kerja yang huruf awalnya berupa *huruf illat*, iaitu *waw alif* dan *yā'* seperti: دَخْلٌ - مَدْخَلٌ، وَطَلَبٌ-مَطْلَبٌ (kemasukan, tuntutan).

2-Mengikut *wazan* مُفْعَلٌ (*maf'il*), apabila berupa *fi'l mithāl* (iaitu apabila *fā'* *fi'l* kata kerja tersebut berupa huruf *waw* atau *yā'*) seperti: - وَقَفَ - وَضَعَ-مَوْضِعٌ (tempat).

Fi'l Bukan Thulāthīy (lebih dari pada tiga huruf).

Apabila *fi'l* itu bukan *thulāthī*, maka bentuk maṣdarnya mengikut *wazan fi'l muḍāri*'nya, dengan menukar *huruf muḍāri* kepada *huruf mim* yang dibaca

dammal, dan ditariskan fatḥah pada pada huruf yang sebelum akhirnya, seperti: اَنْطَلَقَ بَنْطَلَقَ - مُنْتَلَقَ (perlepasan).

7.9.1.1.F *Ism Maṣdar*

Bentuk atau *sīghāt maṣdar* yang terakhir ialah dikenali sebagai *ism maṣdar*.

Jenis ini tidak sama dengan *sīghāt maṣdar*, kerana bilangan hurufnya tidak sama dengan bilangan huruf fi'lnya, seperti : كَلَمٌ-يَكُلُّمُ تَكْلِيمًا (percakapan).

Perkataan كَلْمَةٌ adalah *maṣdar*, tetapi jika maṣdarnya berbentuk

(percakapan), maka *sīghāt* itu dikenali sebagai *ism maṣdar*, kerana *sīghāt* tersebut tidak mewakili huruf asal fi'lnya, yakni, tidak terdapat sabdu (*tasydīd*),

begitu juga seperti *sīghāt maṣdar* اَغْسَلٌ-يَغْسِلُ (mandi). Perkataan

"*ghaslan*" adalah *ism maṣdar* bukan *maṣdar*, kerana sebab yang sama. (Lihat,
‘Abduh al-Rājihīy, 1993 : 229.)

7.9.1.1.G *Maṣdar Ṣinā'i*

Bentuk perkataan berimbuhan yang kelapan adalah KN maṣdar ṣinā'i, iaitu suatu perkataan yang ditambah dua huruf imbuhan yang bermaksud bagi melahirkan makna yang lebih sempurna, sama ada perkataan itu dari jenis manusia, haiwan atau benda-bendaan . Ahmad al-Hāsyimīy (1354 H. : 307) mendefinisikannya:

هُوَ اسْمٌ تَّحْقِيقَةٌ يَاءُ النَّسْبَةِ مُرَادِفَةٌ بِتَاءُ التَّائِيَّثِ لِلْدِلَالَةِ عَلَى صِفَةٍ

ثابتية

Maksudnya: Ialah ism (kata nama) yang huruf akhirnya ditambah yā' nisbaṭ dan diikuti oleh tā' marbūṭaṭ yang mengandungi makna bagi menunjukkan sifat yang tetap.

Definisi di atas menunjukkan bahawa pembentukan maṣdar ḥinā'iyy serupa dengan pembentukan nasab, hanya bezanya imbuhan huruf (tā' marbūṭaṭ) yang terdapat pada perkataan maṣdar ḥinā'iyy disebut tā' al-naql, sementara tā' yang terdapat pada perkataan yang dinasabkan dikenali sebagai tā' ta'nīth.(tā' tanda feminin).

Ahli linguistik terkemuka ‘Abd al-Şabūr Syāhīn (1986 :211) dalam bukunya al-‘Arabiyyat Lughat al-‘Ulūm wa al-Taqniyyat, mengatakan bahawa istilah maṣdar sina'iyy adalah istilah baharu yang telah dirasmikan oleh majma‘ al-lughat (Lembaga Bahasa) di Kaherah, salah satu tujuannya adalah untuk mempermudahkan para penterjemah bahasa asing dalam menterjemahkan kata yang mengandungi akhiran huruf “ISM” seperti: humanism, liberalism, di samping memiliki tujuan-tujuan yang lain seperti yang akan diuraikan.

7.9.1.1.G.A Pola Maṣdar ḥinā'iyy.

Sepertimana yang telah ditegaskan bahawa salah satu cara bagi mengetahui makna yang dimaksudkan dalam perkataan BA ialah mengetahui bentuk

polanya. Contoh *sīghat* مُفْعَلٌ maknanya berbeza dengan *sīghat* فَاعِلٌ.

Demikian juga maṣdar *śinā'iyy* memiliki pola-pola tersendiri bagi melahirkan tujuan maknanya. Menurut Aḥmad al-Hāsyimī (1354 H. : 307-398) *maṣdar* *śinā'i* mempunyai empat *sīghat*;

pertama dari kata pelaku (*sīghat ism fā'il*), seperti: عَالَمِيَّةُ ('ālāmiyyat / antarabangsa).

kedua dari kata objek (*sīghat ism maf'ūl*), seperti: مَعْذُورَيْهُ (ma'dhūriyyat / keuzuran).

ketiga dari kata unggulan (*sīghat ism tafḍīl*), seperti: أَسْبَقَيْهُ وَأَرْجَحَيْهُ (asbaqiyat dan arjaḥiyat / terdahulu dan lebih rajih), dan:

keempat dari jenis kata jati (*ism jāmid*), seperti: حَيْوَانَيْهُ إِنْسَانَيْهُ (hayawāniyyat dan insāniyyat / kemanusiaan dan kehaiwanan), dan: عَثْمَانَيْهُ ('Uthmāniyyat / golongan atau pengikut Uthman).


7.9.1.1.G.B Makna Maṣdar *Śinā'i*

Sepertimana yang telah dikatakan di atas bahawa perubahan pola (*sīghat*) akan tersebut mengandungi makna atau sifat-sifat tertentu setelah ditambah membawa perubahan makna. Menurut Abbas Ḥasan (Jld.3 t.t. 186-187) *sīghat* tersebut mengandungi makna satu sifat tertentu setelah dibubuhinya 'yā'

musyaddadat dan *tā' marbutat*. Perkataan انسان (manusia), setelah ditambah

akhiran dua huruf tersebut, maka menjadi انسانية, maknanya pun menjadi

berubah, iaitu mengandungi sifat khusus yang tidak sama dengan sebelumnya, seperti memiliki sifat kasih sayang, peduli kepada yang lain, tolong-menolong sesama yang lain dan sefat-sifat baik yang lainnya, begitu juga perkataan-perkataan lain yang dibentuk pola (*sighat*) *mashdar sinā'iyy*.



27-Gambar Rajah 7.3 Pembahagian Maṣdar BA

7.9.2 *Maṣdar* dalam BM

Kata nama dalam BM jika dilihat dari segi dapat atau tidaknya menerbitkan perkataan yang lain, terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama, *nomina dasar*, iaitu kata nama yang hurufnya terdiri daripada kata akar jati, seperti *masjid*, *rumah*, *meja*, *kereta*, *cawan* dan sebagainya.

Kedua, *nomina turunan*, iaitu perkataan yang dapat menerbitkan perkataan yang lain. Perkataan tersebut dibentuk daripada kata dasar, sama ada berupa kata

kerja, kata nama, atau sifat (*ajektif*), dengan menambahkan fonem-fonem imbuhan.(Lihat, Anton M. Mulyono 1988: 152; dan Van Ophuijsen, 199.)

Penambahan fonem-fonem tersebut sama ada awalan, akhiran atau kedua-duanya adalah merupakan cara pembentukan maṣdar dalam BM, seperti contoh-contoh di bawah ini:

1- Apitan ke +kata kerja + an

kedatangan

kemasukan

keberangkatan

keingkaran

2- Apitan ke + kata nama + an

kedaulatan

kerajaan

kebendaan

keduniaan

3- Apitan ke + kata sifat + an

Kebersihan

Kebesaran

Kekotoran

ketinggian

4- Apitan pen+ kata kerja + an

pendapatan

penamatan

penulisan

pencabulan

5- Apitan pen + kata nama + an

pengairan

pembentukan

pendirian

pembinaan

pentadbiran

6- Apitan pen + kata sifat + an

pemanjangan

pembersihan

pengotoran

7- Akhiran -an (kata kerja)

makanan

minuman

fikiran

pakaian

hantaran

Banyak lagi contoh pembentukan maṣdar dalam BM. Sesiapa yang ingin mengetahui keterangan atau contoh-contoh lebih lanjut sila merujuk buku Nik Safiah Karim, 1997: 107-128, Asmah Hj.Omar, 1993 : 63-71. dan yang lainnya, dalam bab pembentukan kata.

Adapun kaitannya dengan *Maṣdar Ṣinā'īy* pada kedua-dua bahasa (BA dan BM) merupakan dua bahasa yang berlainan rumpun, maka tidak mustahil sekiranya terdapat pola-pola yang berbeza. Maṣdar ḥinā'īy adalah

salah satu pola atau bentuk perkataan BA yang tidak terdapat dalam BM, tetapi apabila diteliti secara detail mungkin ada persamaannya dalam BM iaaitu seperti perkataan-perkataan berimbahan ke-an yang mengandungi makna keserupaan, seperti contoh-contoh di bawa ini:

1-Melayu	<i>kemelayu-melayuan</i>
2-cina	<i>kecin-cinaan</i>
3-kanak-kanak	<i>keanak-anakan</i>
4-emas	<i>keemas-emasanan</i>
5-kuning	<i>kekuning-kuningan</i>
6-biru	<i>kebiru-biruan</i>
7-dunia	<i>kedunia-duniaanan</i>
8-manis	<i>kemanis-manisan</i>

Pengimbuhan ke...an ini kepada suatu kata dasar menurut Abdullah Hassan (1986:131) akan menerbitkan perkataan yang menyatakan persamaan dengan sesuatu keadaan. Kalau dasarnya itu merupakan suatu kata nama atau kata sifat, maka kata terbitan itu akan menyatakan persamaannya dengan yang terdapat dalam kata dasar itu. Arbak Othman (1981:153) menambah bahawa kebanyakan kata sifat yang memakai imbuhan ke-an ini mengandungi dasarnya kata ganda golongan nama dan kata sifat sendiri. Penggandaan dasar ini semata-mata dilakukan dengan tujuan untuk mengeraskan lagi makna kata sifat itu, meskipun tidak digandakan, pemakaiannya, seperti keemas-emasan dan kemerah-merahan boleh dipakai sebagai kemasan dan kemerahan seperti: warna bajunya keemasan Langit diwaktu senja kemerahan.

7.9.3 Aspek Persamaan Dan Perbezaan

1-Kedua-dua bahasa (BA dan BM) terdapat bentuk maṣdar, walaupun terdapat beberapa perbezaan dalam pembentukannya.

2-Dalam BA perkataan yang digolongkan maṣdar jika menduduki pada urutan ketiga daripada taṣrifnya, kerana BA merupakan bahasa mutaṣṣarrif (fleksi), manakala pembentukan maṣdar dalam BM melalui pengimbuhan fonem, baik , berupa awalan akhiran atau apitan.

3- *Maṣdar* dalam BA jika dilihat dari segi maknanya, terdapat berbagai-bagai jenis. Kepelbagaiannya ini disebabkan oleh perbezaan bilangan hurufnya; atau dengan perkataan lain, oleh perbezaan *sīghāt* (bentuk)-nya. Ciri sedemikian tidak terdapat dalam BM, kerana perbezaan huruf imbuhan atau apitan dalam pembentukan maṣdar dalam BM tidak mengakibatkan perbezaan makna.

4-Perbezaan yang lain, maṣdar dalam BA hanya timbul dari kata kerja samada terdiri daripada tiga , empat, lima atau enam huruf asal. Sementara dalam BM, selain boleh dari kata kerja, boleh juga dari kata narma atau kata sifat (ajektif), seperti pada contoh-contoh di atas.

5-*Adapun kaitanya dengan maṣdar ḥinā'iyy sepertimana yang telah dijelaskan bahawa BA dan BM merupakan dua bahasa yang berlainan rumpun, maka salah satu perbezaannya BM tidak mengandungi pola maṣdar ḥinā'iyy. Tetapi apabila diteliti secara detail maka mungkin makna pola tersebut terdapat dalam BM seperti pada contoh-contoh di atas.*

7.9.4 KN Pelaku (*Ism fā'il*) dalam BA

Kata nama pelaku (*Ism fā'il*) merupakan jenis yang kedua daripada kata nama yang digolongkan jenis kata nama terbitan (*musytāq*). Abdul Ḥāmid al-Sayid Tilab (t.t. Jld. 3: 23) mendefinisikannya:

هُوَ صِيغَةُ دَالَّةٍ عَلَىٰ (فَاعِلٍ) جَارِيَةٌ فِي الْتَّدْكِيرِ وَالثَّانِيَتِ عَلَىٰ الْمُضَارِعِ.

Maksudnya: Bentuk atau binaan yang menunjukkan kepada pelaku perbuatan, yang selari dengan *fī'l mudāre'nya*. mengikut ketentuan mudhakkār dan mu'nathnya (maskulin dan femininnya).

Definisi di atas menunjukkan bahawa, di antara kata nama pelaku (*ism fā'il*) dan kata kerja kala kini (*fī'l mudāre'*) terdapat berbagai-bagai persamaan, seperti penjelasan yang berikut:

a-binaan (*ṣighat*). iaitu apabila kedua-dua perkataan tersebut mengandungi lebih daripada tiga huruf, seperti: **أَكْسَرُ تَنَكِسَرُ مُنْكَسَرُ** (pecah).

b-*Lafāz*, yakni, dari segi bilangan huruf, harakah, sakanāt (huruf-huruf yang mati) dan urutan huruf. Walaupun jenis huruf dan harakahnya berbeza. Contoh:

- **كَاتِبٌ** dengan **يَكْتُبُ** (menulis)

- **مُقَاتِلٌ** dengan **يُقَاتِلُ** (berperang)

- **مُسْتَفْهِمٌ** dengan **يَسْتَفْهِمُ** (orang yang meminta kefahaman)

- **قائم** dengan **يَقُولُ** (berdiri). Untuk lebih jelas lagi lihat

jadual di bawah ini:

4-Jadual Kesesuaian Makna di antara KK Kala Kini (*Fi'il Mudāri'*) dan KN Pelaku (Ism Fā'il).

قائم	مُسْتَفْهِمٌ	مُقاَلٌ	كَاتِبٌ	<i>Ism Fa'il</i>
يَقُولُ	يَسْتَفْهِمُ	يُقاَلُ	يَكْتُبُ	<i>Fi'l Mudāri'</i>
Berdiri	Meminta kefahaman	Berperang	Memulis	erti

c-Makna kedua-duanya menunjukkan keterangan waktu yang sama, iaitu sedang atau yang akan datang, seperti firman Allah:

﴿إِنِّي فَاعِلٌ ذَلِكَ غَدًا﴾

Maksudnya: sesungguhnya saya akan melakukan ini besok pagi (Surah al-Kahfi : 18).

Ism fā'il di sini, fungsinya sama dengan *f'il mudāri'*nya, sehingga harus mengikut ketentuan-ketentuan yang berikut:

- (i) Jika dari kata kerja yang terdiri daripada tiga huruf (*fi'l thulāthiy*) maka *ism fā'ilnya* mengikuti pola **فَاعِلٌ**. Ketentuan ini seperti apa yang

dikatakan oleh Ibn Mālik (Jld. 2 t.t.: 134):

كَفَاعِلٍ صَنَعَ اسْمَ فَاعِلٍ إِذَا مِنْ ذِي ثَلَاثَةِ يَكْتُنُ كَفَدَا

Maksudnya: Bentuk ism fā'il seperti فَاعِلٌ, apabila berupa fi'l thulāthī, seperti perkataan غَائِلٌ-غَائِلٌ

وَهُوَ قَلِيلٌ فِي فَعْلٍ وَفَعْلٍ غَيْرِ مُعَدِّي بِلْ قِيَاسُهُ فَعْلٌ

Maksudnya: Adapun ism fā'il yang diikutkan wazan فَاعِلٌ hukumnya sedikit, apabila dari fi'l madī yang mengikut wazan fa'ul فَعْلٌ dan fa'il فَعِيلٌ yang bukan dari fi'l muta'adī (intransitif). Dan fi'l madī yang mengikut wazan fa'il لَازِمٌ lazim, ism fā'ilnya secara kiasi diikutkan wazan fa'il فَعْلٌ.

Walaupun demikian, terdapat pengecualian-pengecualian daripada ketentuan di atas, iaitu jika kata kerja yang huruf 'ain fi'lnya berupa huruf 'illat, (fi'l ajwāf thulāthī) maka huruf alif yang terdapat pada 'ain fi'l itu harus ditukar dengan hamzah, seperti: أَلْ-قَاتِلُ (orang yang berkata), صَاحِبُ الْمَاءِ (orang yang puasa dan بَاعْ-بَاعِي (orang yang menjual).

(ii) Apabila bilangan huruf kata kerja tersebut lebih daripada tiga huruf, maka pola ism fā'ilnya sama dengan bentuk mudāri'nya, hanya huruf mudāri'nya ditukar dengan huruf mim (م) yang dibaca *dammat*, dan

huruf sebelum akhirnya dibaca *kasrat*. Contoh:

- اسْتَغْفِرُ - اسْتَغْفِرُ (mohon maaf)

- اسْتَعْانَ - اسْتَعْانَ (minta tolong). (Lht.Ibn. Mālik Jld.2 tt: 134)

7.9.5 KN Pelaku (*Ism Fa'il*) dalam BM

Ism fā'il dalam BM adalah setiap kata yang mununjukkan pelaku sesuatu pekerjaan. Perkataan tersebut dibentuk secara kiasi dengan menambahkan huruf awalan pada kata kerja, kata nama dan kata sifat (ajektif). (Lht: Abdullah Hassan (1995:87,90,92,93) dan Anton Mulyono (1988:157). Ringkasnya *ism fā'il* itu dibentuk dengan menambahkan awalan pada kata kerja , kata nama, seperti:

1-menambahkan huruf "pe" pada kata sifat (Ajektif)

Contoh:

sabar	<i>penyabar</i>
lemah	<i>pelemah</i>
buruk	<i>pemburuk</i>
bengis	<i>pembengis</i>
lawak	<i>pelawak</i>
malas	<i>pemalas</i>
murah	<i>pemurah</i>

2-Menambahkan huruf "pe" pada kata kerja dan kata nama.

Contoh:

lari	<i>pelari</i>
lakon	<i>pelakon</i>
lawak	<i>pelawak</i>
kebun	<i>pekebun</i>
laut	<i>pelaut</i>
layan	<i>pelayan</i>

sawah	<i>pesawah</i>
niaga	<i>peniaga</i>
guam	<i>peguam</i>
tani	<i>petani</i>
ladang	<i>peladang</i>
minum	<i>peminum</i>

Menambahkan “*pen*” pada kata kerja aktif. Contoh:

cari	<i>pencari</i>
jual	<i>penjual</i>
syarah	<i>pensyarah</i>
ziarah	<i>penziarah</i>
terjemah	<i>penterjemah</i>
tafsir	<i>pentafsir</i>
stabil	<i>penstabil</i> (BI)

5-Menambahkan awalan “*juru*” (menunjukan makna pelaku /pakar). Contoh:

wang	<i>juruwang</i>
bahasa	<i>jurubahasa</i>
cakap	<i>jurucakap</i>
jual	<i>jurujual</i>
mudi	<i>jurumudi</i> (pengemudi)
tera	<i>jurutera</i> (pakar/tukang enjin)

7.9.6 Aspek Persamaan dan Perbezaan

Dalam kedua-dua bahasa (BA dan BM) terdapat kata pelaku (*ism fā'il*), dan mempunyai fungsi yang sama, iaitu sebagai *pelaku perbuatan*. Walaupun demikian terdapat perbezaan-perbezaan pola pembentukannya. Perbezaan ini disebabkan oleh sistem pada kedua-dua bahasa yang berlainan seperti:

- 1-Dari segi bentuk (*ṣighaṭ*). Yakni. *ṣighaṭ* *ism fā'il thulāthiy* dan bukan *thulāthiy* yang tidak sama dalam BA.
- 2-Dalam BA bentuk pola *ism fā'il* ditentukan oleh gender, iaitu (*mudhakkar* dan *mu'nnath* / feminin dan maskulin). Jika perbuatan itu dilakukan oleh orang lelaki maka bentuk *ism fā'ilnya* tanpa penggunaan *tā' marbūṭat*, dan sebaliknya jika pelakunya wanita maka *ṣighaṭ* *ism fā'il* harus ditambah *tā' marbūṭat*. Kedua-dua ketentuan ini tidak terdapat dalam BM, kerana BM tidak mengenal gender dalam pembentukan dan penggunaan kata pelaku, begitu juga tidak mengenali bentuk *thulāthiy* dan *rubā'iyy* dalam membentuk *ṣighaṭ* *ism fā'ilnya*.
- 3-Perbezaan yang lain adalah dari segi pembentukannya. Kata pelaku BM menggunakan fonem “*pe*” pada awal perkataan, sama ada berupa kata kerja, nama atau sifat (ajektif), “*pen*” pada kata kerja, dan “*juru*” pada kata nama dan kerja. Ketentuan ini tidak terdapat dalam BA. Jadi, kedua-dua bahasa itu mempunyai cara yang berbeza dalam membentuk kata pelaku (*ism fā'il*). Perbezaan ini adalah wajar, kerana pola dan rumpun bahasa yang berbeza.

7.9.7 Pola Kepalingan (*Sighat Mubālaghat*) dalam BA

Bentuk ketiga daripada jenis *ism musytāq* ialah pola kepalingan (*sighat mubālaghat*). Pola tersebut bagi menunjukkan makna kepalingan. Perkataan dalam BA akan berubah maknanya, jika bentuk atau binaan perkataannya mengalami suatu perubahan seperti *sighat* فعل (telah berbuat), *يَفْعُلُ* (sedang atau akan berbuat), *فَعْلًا* (perbuatan), *فَاعِلٌ* (yang berbuat / pelaku) dan seterusnya.

Begini juga pola jika ditukar menjadi *مِفْعَالٌ*, atau *فَعْوَلٌ* dan seterusnya, maka maknanya akan berubah. Perubahan tersebut disebabkan tujuan tertentu yang dimaksudkan oleh penutur, iaitu makna *mubālaghat* (kepalingan). Kamāl Ibrāhīm Badrī (1404: 266) dalam bukunya “*Azzaman fī al-nahw al-‘Arabiyy*” mengatakan:

تُحَوَّلُ صِيغَةُ (فَاعِلٌ) لِلدلالة عَلَى الْكثرةِ وَالْمِيَالَةِ فِي الْحَدَثِ إِلَى أَوْزَانٍ كَثِيرَةٍ الْمُشْهُورُ مِنْهَا فَعَالٌ، مِفْعَالٌ، فَعْوَلٌ، فَعِيلٌ، فَعِيلٌ

Maksudnya: *Sighat* (سighat) bertukar menjadi berbagai-bagai *sighat* dan wazan, di -antaranya yang terkenal ialah *sighah*, *مِفْعَالٌ*, *فَعْوَلٌ*, *فَعِيلٌ*, *فَعِيلٌ* dan *بَعْرَلٌ*

Pola-pola tersebut seperti pada contoh-contoh berikut:

-**فَسَالٌ**, seperti **قَاتِلٌ** (orang yang banyak melakukan pembunuhan, atau

أَكْلٌ (orang yang banyak makan). Kedua-dua *sighah* ini daripada

perkataan *ism fā'il*: **أَكْلٌ** dan **قَاتِلٌ** (orang yang berperang dan orang yang makan)

-**مُنْعَالٌ**, seperti: **مُكْثَارٌ** (terlampau banyak) dan **مُنْحَارٌ** (banyak menyembelih

haiwan) dari perkataan : **كَاثِرٌ** dan **كَاحِرٌ** (banyak, dan orang yang menyembelih

haiwan)

-**فَعُولٌ**, seperti: **أَكْرَلٌ** (orang yang banyak makan), **عَجُولٌ** (sangat tergesa-

gesa), berasal daripada perkataan **أَكْلٌ** dan **عَاجِلٌ** (orang yang sedang makan dan

orang yang tergesa-gesa)

-**سَامِعٌ** seperti **سَمِيعٌ** (maha mendengar), berasal daripada perkataan

(mendengar).

-**فَعِيلٌ** seperti: **حَذَرٌ** (berhati-hatilah). Bentuk-bentuk *sighah* tersebut seperti apa

yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Lht. Jld.2: 111):

7.9.8 Pola Kepalingan (*Sighaf Mubalaghah*) dalam BM

Sejauh penelitian yang dilakukan, penulis tidak menjumpai pola *sighah* *mubālaghah* dalam BM. Tetapi mungkin perkataan yang mengandungi makna

yang serupa dalam BM ialah yang dikenali sebagai “*Darjah penghabisan*”. Yakni, darjah penghabisan kata sifat (Lht. Abdullah Hassan 1995: 143-144) yang boleh dinyatakan dalam lima cara.

a-Se-+ Kata Sifat Gandaan. Contoh:

sepandai-pandai

setinggi-tinggi

sekeras-keras

b-Ter-+ Kata Sifat. Contoh:

terpandai

tertinggi

terbaik

c-Paling + Kata Sifat. Contoh:

paling pandai

paling tinggi

paling baik

e-Ter-+ Amat/Sangat + Kata Sifat. Contoh:

teramat pandai, tersangat pandai

teramat tinggi, tersangat tinggi

teramat baik, tersangat baik. Dan lihat Arbak Othman (tt:152).

Selain daripada cara-cara tersebut menurut Gorys Keraf (1980: 100), juga terdapat cara lain yang menunjukkan makna yang serupa, iaitu yang dikenali sebagai “kata nama berlapis”. Caranya adalah dengan menambahkan kata pinjaman dari Bahasa Sanskrit (BS) seperti “*maha*”. Penambahan awalan

tersebut mengandungi makna *mubālahgāt* (kepalingan) seperti agung, besar, tinggi dan sebagainya.. Contoh:

adil	<i>maha</i> adil
kasih	<i>maha</i> kasih
mendengar	<i>maha</i> mendengar
mengetahui	<i>maha</i> mengetahui
hidup	<i>maha</i> hidup
kekal	<i>maha</i> kekal
kuasa	<i>maha</i> kuasa
besar	<i>maha</i> besar .

Jelasnya kata “ *maha*” digunakan untuk menyifatkan sesuatu yang besar dan luar biasa, seperti nama “Tuhan” . Oleh yang demikian, mungkin perkataan “*maha*” dapat digolongkan dalam perkataan yang mengandungi makna “*melampaui atau kepalingan*” yang dikenali dalam BA sebagai *ṣīghah mubālaghāt*.

7. 9.9 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Seperti yang telah dikatakan di atas, bahawa penulis tidak mendapati pola kepalingan (*mubālaghāt*) dalam BM. Tetapi mungkin yang mendekati makna tersebut pada BM ialah penambahan awalan-awalan pada kata sifat (ajektif) seperti dalam contoh-contoh di atas, dan yang kedua menambah perkataan pinjaman “*Maha*” dari bahasa Sanskrit (BS). Pengimbuhan tersebut mengandungi makna *mubālaghāt* (makna melampau atau kepalingan).

tersebut mengandungi makna *mubālahgat* (kepalingan) seperti agung, besar, tinggi dan sebagainya.. Contoh:

adil	<i>maha adil</i>
kasih	<i>maha kasih</i>
mendengar	<i>maha mendengar</i>
mengetahui	<i>maha mengetahui</i>
hidup	<i>maha hidup</i>
kekal	<i>maha kekal</i>
kuasa	<i>maha kuasa</i>
besar	<i>maha besar.</i>

Jelasnya kata “*maha*” digunakan untuk menyifatkan sesuatu yang besar dan luar biasa, seperti nama “Tuhan”. Oleh yang demikian, mungkin perkataan “*maha*” dapat digolongkan dalam perkataan yang mengandungi makna “*melampaui atau kepalingan*” yang dikenali dalam BA sebagai *ṣīghah mubālaghat*.

7. 9.9 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Seperti yang telah dikatakan di atas, bahawa penulis tidak mendapati pola kepalingan (*mubālaghat*) dalam BM. Tetapi mungkin yang mendekati makna tersebut pada BM ialah penambahan awalan-awalan pada kata sifat (ajektif) seperti dalam contoh-contoh di atas, dan yang kedua menambah perkataan pinjaman “*Maha*” dari bahasa Sanskrit (BS). Pengimbuhan tersebut mengandungi makna *mubālaghat* (makna melampaui atau kepalingan).

2- Perbezaan yang lain, dari segi pola pembentukan “*sīghāt mubālaghāt*” dalam BA ialah melalui perubahan pola *ism fā'il* seperti yang telah diuraikan di atas kepada *sīghāt* tertentu yang mengandungi makna kepalingan. Teori seperti ini tidak terdapat dalam BM. Kerana pembentukan *sīghāt mebālaghāt* dalam BM dengan cara membubuhkan fonem atau perkataan yang menunjukkan makna *mubālaghāt* atau kepalingan sebelum kata sifat (Ajektif).

7.9.10 *Ism maf'ūl* dalam BA

Bentuk keempat yang digolongkan sebagai jenis kata nama terbitan ialah pola” *ism maf'ūl*”, atau dikenali juga sebagai “kata penderita”, “objek”, yakni, kata yang dilakukan pekerjaan. Zayn Kāmil al-Khuskiy (1992: 473) mendefinisikannya:

هُوَ وَصْفٌ مُشَقَّ مِنْ مَصْدَرِ الْفِعْلِ الْمُبْنَىٰ لِلْمَجْهُولِ

Maksudnya: Perkataan yang diterbitkan dari masdar fi'l mabnīy majhūl

Kedua-dua definisi di atas mengandungi makna yang serupa, walaupun definisi yang kedua lebih tepat, kerana ayat:

- *الدَّرْسُ مَفْهُومٌ* (pelajaran itu difaham) mengandungi makna: *يُفْهَمُ الدَّرْسُ*

(pelajaran itu difaham). Perkataan *mafhūmūn* adalah menjelaskan atau menyifatkan perkataan *al-dars*. Yakni, pelajaran itu difaham. Sementara definisi yang pertama mengandungi makna yang lebih am, iaitu mengandungi makna objek (*maf'ūl bih*), manakala *ism maf'ūl* bukan objek.

Contoh:

- ضَرَبَ مُحَمَّدٌ عَمْرًا (Muhamad memukul 'Umar). Perkataan “‘Umar” sebagai kata penderita atau objek (*maf'ūl bih*), ia bukan *ism maf'ūl*, tetapi yang dilakukan pekerjaan.

Sīghāt Ism Maf'ūl

Sepertimana *sīghāt mubālagħat* yang lalu maka *ism maf'ūl* juga mempunyai berbagai-bagai pola Kepelbaaan *pola* ini kerana perbezaan bilangan akar katanya, iaitu ada yang tiga huruf dan ada yang lebih.

1-Jika ia dari *fi'l thulāthī* (tiga huruf), maka ia mengikut *sīghāt maf'ūl* كَبَّ: مَكْتُوبٌ، عَرَفَ: مَعْرُوفٌ، هَزَّ: مَهْزُونٌ، أَكَلَ: مَاكُولٌ، وَهَبَ: مَفْعُولٌ (Contoh: كَبَّ: مَكْتُوبٌ، عَرَفَ: مَعْرُوفٌ، هَزَّ: مَهْزُونٌ، أَكَلَ: مَاكُولٌ، وَهَبَ: مَفْعُولٌ).

مَوْهُوبٌ (dikurniakan, dimakan, dikalahkan, diketahui dan ditulis).

Ibn Mālik (Jld.2 t.t.: 137) mengatakan:

وَفِي اسْمِ مَفْعُولِ الْثَلَاثِيِّ اطْرَذَ زِئْنَةً مَفْعُولِ كَاتِ مِنْ قَصَدِ

Maksudnya: Dan bagi wazan *ism maf'ūl* dari *fi'il thulāthiy* kebanyakannya mengikut wazan *maf'ūl* مَفْعُولٌ, seperti *qaṣada maqṣūd* قَصَدٌ-مَقْسُودٌ (yang dimaksud).

2-Jika ia dari *fi'l* yang akar katanya melebihi daripada tiga huruf, maka *ism maf'ūl*nya mengikut *sīghāt ism fā'il*nya, dengan membaca *fathah* sebelum huruf akhirnya, seperti: إِسْتَعَانَ - مُسْتَعَانٌ (dimuliakan), أَكْرَمَ - مُكْرَمٌ (ditolong),

t.t.: 137).

7.9.11 *Ism Maf'ūl* dalam BM

Sejauh kajian yang dilakukan, penulis tidak menjumpai pola *ism maf'ūl* dalam BM. Mungkin yang mendekati *ism maf'ūl* dalam BM adalah kata kerja pasif, (kk kala kini), kerana perkataan الماءُ مشربٌ (air itu diminum) serupa

maknanya dengan الماءُ يشرب (air itu diminum) kedua-duanya secara am

mengandungi makna yang sama. Mungkin termasuk juga sesuatu perkataan yang menunjukkan *ism maf'ūl* dalam BM adalah perkataan-perkatan yang ditambah awalan "ter" dari jenis kata kerja. Contoh:

mengabulkan	terkabul
menghormati	terhormat
melaknat	terlaknat
mengungkapkan	terungkap
mendakwa	terdakwa
menghukum	terhukum (Lht. Gorys Keraf (1980:100)

Perlu dijelaskan di sini bahawa pembentukan tersebut tidak selalu menunjukkan makna *ism maf'ūl* dalam BM, tetapi kadang-kadang ia menunjukkan makna berterusan, seperti:

1-Menunjukkan makna terjadinya sesuatu tanpa disengaja. Contoh:

- Muhamad *terjatuh* ke dalam lubang
- Dia datang ke Sekolah *terlewat*
- Kapal terbang *terhempas* di atas bukit

2-Menunjukan makna kuasa, seperti:

Batu yang besar itu *terangkat* oleh Muhammad Ali.

7.9.12 Aspek Persamaan dan perbezaan

1-Sepertimana yang telah dihuraikan di atas bahawa BM tidak mengenali pola ism *maf'ūl*. Tetapi mungkin yang mendekati maknanya dalam BM adalah kata kerja pasif, atau kata kerja yang terdapat fonem-fonem imbuhan seperti pada contoh-contoh di atas.

2-*Şighat ism maf'ūl* dalam BA, harus mengikut ketentuan-ketentuan seperti di atas. Iaitu jika terdiri dari tiga huruf (*fī'l thulāthī*), maka pola ism *maf'ūlnya* mengikut wazan *maf'ūl*, dan jika bukan berasal dari tiga huruf maka ism *maf'ūlnya* mengikut wazan *muf'al* seperti مُكَرِّمٌ berasal daripada perkataan

أَكْرَمْ (memuliakan). Ketentuan seperti ini tidak terdapat dalam BM, kerana BM

bukan jenis bahasa fleksi (*Mutasarrif*)

7.9.13 KN *Şıfat Musyābbahat* dalam BA

Bentuk *şıfat* keenam yang digolongkan sebagai kepada kata nama terbitan (*ism musytāq*) ialah “*Şıfat musyābbahat*”, iaitu perkataan yang berfungsi seperti *ism fā'il*, walaupun pada *şıfat musyābbahat* mengandungi *sifat* yang kekal (

thābit), yang tidak terdapat pada *ism fā'il*. Pangertian ini selari dengan pendapat yang dikatkan oleh al-Ghalāyinīy (1968 Jld 1: 185) yang mendefinisikannya:

هِيَ صِفَةٌ تُؤْخَذُ مِنَ الْفِعْلِ الْلَّازِمِ لِلثَّلَاثَةِ عَلَى مَعْنَى قَائِمٍ بِالْمَوْضُوفِ بِهَا
عَلَى وَجْهِ الْبُيُونَ لَا عَلَى الْحُدُوتِ.

Maksudnya: *Şifat musyābihat* ialah suatu *şighat/bentuk* yang mengandungi makna *sifat* yang berasal daripada *fi'l lāzim* (*intransitif*) bagi menunjukkan makna *sifat* yang kekal, dan bukan yang baharu.

Sepertimana yang telah dikemukakan di atas, bahawa kedua-dua *şighat* *ism fā'il* dan *Şifat musyabbahat* terdapat persamaan. Persamaan itu seperti menunjukkan pekerjaan yang dikenali sebagai (*hadath*), aspek maskulin dan feminin, (*mudhakkar* dan *mu'nath*), bilangan duaan (*tathniyat* dan *jamak*), begitu juga boleh ditambah *alif* dan *lam* (ا). Kenyataan ini seperti apa yang diperkataan oleh Ibn. Ya'isy (Jld. 6 t.t.: 81) dalam bukunya “*Syarah al-Mufassal*” :

وَإِلَمَا شَبَّهَ بِذَلِكَ مِنْ قِبْلِ أَنْهَا ذُكِرَ وَتُؤْكَثُ وَتُذَخَّلُ الْأَلِفُ وَاللَّامُ وَشَنِيْ
وَتُجْمَعُ بِالْوَاءِ وَالْئُونِ.

Maksudnya: Sesungguhnya *ism musyabbahat* itu diserupakan dengan *ism fā'il*, kerana terdapat beberapa persamaan, seperti dapat: dimudhakkarkan dan dimu'nathkan, ditambahi huruf *alif* dan *lam*, ditathniaṭkan dan dijamakkan.

¹Menurut Zen Kāmil al-Khueskiy (1992 : 468), bahawa kedua-dua pola

(*şighat*) tersebut terdapat persamaan, namun jika diteliti secara cermat, maka

terdapat juga perbezaan-perbezaannya. Perbezaan-perbezaan tersebut adalah seperti berikut:

1- *Sifat musyabbahat* diambil daripada kk intransitif (*fi'l lāzim*) seperti *hasuna- hasanun* حَسْنٌ (baik) *jamula-jamilun* جَمِيلٌ (cantik). Sedangkan *ism fā'il* boleh dibentuk dari kk intransitif (*fi'l lāzim*) dan kk transitif (*muta'adiy*) seperti: *jalasa-jālisun* جَالِسٌ (sedang duduk), *nāṣara-nāṣirun* نَاصِرٌ (penolong), dan *akrama- mukrimun* مُكْرِمٌ (memuliakan).

2- *Sifat musyabbahat* mengandungi keterangan waktu sekarang (kala kini), dan tidak menunjukkan keterangan waktu kala lampau. Sedangkan *ism fā'il* menunjukkan keterangan waktu kala kini, dan yang akan datang.

3- *Sifat musyabbahat* tidak harus mengikut *fi'il mudāri'* dalam wazan, harakah dan sakanahnya (harakah sukun/mati), berbeza dengan *ism fā'il*.

4- *Sifat musyabbahat* boleh dimajmukkan (*dimuḍafkan*) kepada *fā'ilnya*, seperti: فَصِيحُ اللُّسُانِ (lisanya fasih) حُسْنُ أَخْلَقٍ (ahlaknya baik), مُعْتَدِلٌ (pendapatnya sederhana). Kedua-dua ayat tersebut berasal dari: حُسْنُ خُلُقُ الرَّأْيِ (pendapatnya sederhana). (ahlaknya baik), فَصِيحُ لِسَانٍ (lisanya fasih), مُعْتَدِلٌ رَأْيٌ (pendapatnya sederhana)

Lht: al-Ghalāyīnī (1968 Jld. 1: 192).

7.9.14 KN *Sifat Musyabbahat* dalam BM

Sejauh penyelidikan yang dilakukan, penulis tidak menjumpai *sifat musyabbahat* dalam BM, kerana perkataan BM tidak mengikut kepada pola *sighat*, begitu juga perkataan BM tidak berfungsi (mengamalkan) kepada perkataan selepasnya, dan tidak mengenali maskulin dan feminin (*mudhakkar* dan *mu'nath*). Walaupun demikian, jika dilihat dari segi makna yang terkandung dalam pola (*sighat*) tersebut terdapat dalam perkataan BM yang dikenali sebagai “*kata sifat atau ajektif*”, seperti contoh-contoh pada bait Ibn Mālik di atas. Kerana jika di terjemahkan ke dalam BM perkataan (طَاهِرٌ الْفَاعِلِ) ialah *hatinya suci dan cantik* (جَمِيلٌ الظَّاهِرِ) *lahirnya cantik* dan sebagainya. Kedua-dua perkataan “*suci dan cantik*” dalam BM adalah kata sifat atau ajektif (Lht.Liaw Yock Fang 1994:30). Maka mungkin perkataan tersebut ada keserupaan dengan “*sifat musyabbahat*” dalam BA, kerana kedua-duanya menjelaskan makna perkataan yang pertama, hanya bezanya perkataan *musyabbahat* dalam BA, menyerupai *ism fa'il* dari sudut amalnya (fungsinya).

BM tidak memiliki ketentuan seperti ini.

7.9.15 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Dalam BM tidak terdapat *sifat musyabbahat*, seperti yang dimaksudkan dalam BA, tetapi jika dilihat dari segi makna mungkin terdapat dalam BM perkataan-perkataan yang serupa dengan *sifat musyabbahat* yang dikenali

sebagai kata sifat atau ajektif. Tetapi jika dilihat dari segi lafaz atau polanya terdapat beberapa perbezaan, seperti:

a-sifat *musyabbahat* diambil dari *fi'l lāzim* (intransitif)

b-sifat *musyabbahat* dapat *dimudhakkarkan* atau *dimu'nnaskan*.

c-sifat *musyabbahat* dapat *ditathniakan* (dual) dan dijamakkan. Perbezaan ini disebabkan oleh perbezaan sistem dan pola kedua-dua bahasa , maka ciri-ciri sedemikian ini tidak terdapat dalam BM.

d-sifat *musyabbahat* mengejarkan perkataan selepasnya, kerana fungsinya serupa dengan *ism fā'ilnya*.

7.9.16 KN Unggulan (*Ism Tafḍīl*) dalam BA

Şighat ketujuh yang digolongkan sebagai jenis *ism musytāq* adalah “*ism tafḍīl*” atau dikenali juga sebagai “kata unggulan”. Şighat tersebut berfungsi untuk membandingkan dua keadaan, apabila kedua-duanya terdapat kesamaan sifat, tetapi salah satunya terdapat sifat yang lebih. Pengertian ini selaras dengan yang dikatakan oleh Ahmad al-Hamalawiy (1965: 79) dalam bukunya “Syadh al-'urf” yang mengatakan:

إِنَّهُ اسْمٌ مُصَوَّغٌ مِنَ الْمَصْدَرِ لِلَّذِلَّةِ عَلَى أَنْ شَيْئَيْنِ اشْتَرَكَا فِي صِفَةٍ وَزَادَ أَحَدُهُمَا عَلَى الْآخَرِ فِي تِلْكَ الصِّفَةِ

Maksudnya: *Ism tafḍīl* (kata unggulan) ialah *ism* yang dibentuk daripada kata *māṣdar* (kata terbitan) yang menunjukkan bahawa di antara kedua-dua kata itu terdapat sifat yang sama, hanya sahaja salah satunya terdapat sifat yang lebih.

7.9.16.1 Pola KN Unggulan

Sepertimana pada *sifat musyabbahat* bahawa *ism tafđil* juga memiliki *ṣighāt* tertentu bagi menentukan maknanya,. Oleh yang demikian, ahli-ahli nahu sependapat bahawa *ṣighāt* *ism tafđil* mengikut wazan أَفْعَلْ *af'ala* dan فَعْلِي, *fū'lā*, seperti أَفْضَلْ *fuslā* dan فُضْلَى (lebih utama). Lht. Ibn Mālik(Jld.2 t.t: 174).

Walaupun pola-pola *ism tafđil* mengikut wazan tertentu, namun didapati beberapa *ṣighāt* pengecualian, iaitu menggugurkan huruf *hamzat* di awal *ism tafđil* seperti contoh-contoh berikut:

-khair : حَيْرٌ النَّاسِ (sebaik-baik manusia)

-Hubb : حُبُّ النَّاسِ (paling dicintai kepada manusia)

-Syarr : شُرُّ النَّاسِ (seburuk-buruk manusia).

Hamzat *ism tafđil* yang telah digugurkan pada ketiga-tiga perkataan di atas banyak dituturkan oleh ahli nahu Arab, dan hukumnya kiasi (tidak bertentangan dengan kaidah BA, dan boleh dikiaskan). Perkataan-perkataan tersebut sebenarnya berasal daripada perkataan *akhyar*, *aḥabb* dan *asyarr* (أَحْيَرُ، أَحَبُّ، أَشَرُ) (Lht. al-Ghalāyīnīy. 1968, Jld. 1: 194).

Selanjutnya apabila *ism tafṣīl* tersebut dirangkaikan sebagai ayat, maka terdapat berbagai-bagai bentuk atau *ṣighāt* dilihat dari aspek tatabahasa, seperti contoh-contoh berikut:

- زَيْدُ الْأَفْضَلُ (Zaid yang lebih utama)

- هِنْدُ الْفُضَّلِ (Hindun yang lebih utama)

- الزَّيْدَانُ الْأَفْضَلَانُ (Dua Zaid yang lebih utama)

- الرَّيْدُونُ الْأَفْضَلُونَ (Beberapa Zaid yang lebih utama).

Jika ayat-ayat yang mengandungi *ism tafṣīl* itu diteliti secara detail, maka ia perlu kepada unsur-unsur persamaan (*الْمُطَابَقَةُ*), baik dari segi jantina

mahupun bilangan di antara subjek dan predikatnya. Oleh kerana itu, perkataan:

الْأَفْضَلُ، الْفُضَّلِ، الْأَفْضَلَانُ، الْأَفْضَلُونَ sebagai *ism tafṣīl*, *ṣighat*nya berbeza-beza,

walaupun maknanya sama, iaitu “yang utama”. Dengan kata lain, *ism tafṣīl* itu dalam kedudukannya sebagai peredikat harus disesuaikan dengan subjeknya, baik dari segi jantina mahupun bilangannya. Tetapi apabila *ism tafṣīl* itu di dimajukkan (*muḍāfkan*), maka boleh disamakan (*mutabaqah*), dan boleh tidak disamakan (*عَدَمُ الْمُطَابَقَةِ*), seperti contoh-contoh berikut:

-sama (الْمُطَابَقَةُ) seperti زَيْدُ أَفْضَلُ الْقَرْمُ (Zaid orang yang lebih utama

di antara kaum). Di antara subjek (زَيْدٌ) dan predikat (أَفْضَلٌ) terdapat kesesuaian

dari segi jantina dan bilangannya.

-tidak sama seperti (دُمُّ الْمُطَبَّقَةِ) (الزَّيْدَانُ أَنْصَلُ الْقَوْمِ) dua Zaid merupakan orang-orang yang lebih utama di antara kaum). Di antara subjek dan peredikat (أَنْصَلُ) tidak ada kesesuaian dari segi bilangannya.

Memandangkan bentuk atau *sighat ism-ism tafđil* dan makna yang terkandung di dalamnya seperti pada contoh-contoh di atas, maka dapat disimpulkan, bahawa ada beberapa konsep bagi membentuk *ism-ism tafđil* iaitu seperti berikut:

- mengikut *wazan af'ala* (أَنْعَلُ)
- terdapat makna atau sifat yang sama di antara keduanya.
- berupa *fī'l tām* (dapat ditafsir)
- bukan berupa *fī'l thulāthiy* yang lafaz *mu'nathnya fa'lā'* (فِي الْعَلَى)
- tidak didahului oleh *adat nafi*.

7.9.17 KN Unggulan (*Ism Tafđil*) dalam BM

Sejauh kajian dilakukan, penulis tidak menjumpai kata nama unggulan dalam BM, tetapi mungkin kajian ini diuraikan dalam bab “*kata sifat*” atau dikenali sebagai kajian “*kata adjektif*”. Menurut Arbak Othman (t.t:156), bagi menunjukkan makna tersebut BM menerapkan cara-cara tertentu, iaitu menggunakan perkataan “*lebih*” dan diikuti dengan kata “*dari pada*”. Dalam

rangkaian kata perbandingan ini, *kata sifat* hendaklah hadir selepas kata “*lebih*” manakaña yang mengikuti “*daripada*” hendaklah berupa perkataan jenis kata nama. Contoh:

Abang *lebih tinggi* daripada saya

Adik *lebih bijak* daripada saya

Yang itu *lebih baik* daripada yang ini.

Dalam kaitan ini perlu dijelaskan bahawa sebenarnya kata yang menunjukkan makna perbandingan bukan hanya menggunakan kata “*lebih*” sahaja, tetapi boleh juga menggunakan kata “*kurang*”, dan kata “*paling*” atau *ter*.

Yang menggunakan kata “*kurang*” contohnya:

محمد أَقْلُ فَصِيْحَةً مِنْ عُمَرَ (Muhammad kurang fasih daripada Omar).

Yang menggunakan kata “*paling*” atau “*ter*” sebelum kata sifat contohnya: محمد أَنْهَرُ الثَّلَامِينِ فِي الْفَصْلِ، أَنْ أَعْلَمُ الثَّلَامِينِ فِي الْفَصْلِ

,(Muhammad murid yang *terpandai* di dalam kelas, atau Muhammad murid yang *paling* pandai di kelas).

7.9.18 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Dalam kedua-dua bahasa (BA dan BM) terdapat pembentukan “*ism tafđil*”.

Dalam BM, kajian ini diuraikan dalam bab “*kata sifat*”, kerana kedua-duanya terdapat maksud dan fungsi yang sama mengikut ketentuan di atas.

2-Begitu juga bagi menunjukkan makna tersebut, setiap BA dan BM memiliki pola / *sīghāt* tersendiri, dan tentu sīghahnya berbeza. Ini kerana adanya perbezaan sistem atau teori kedua-dua bahasa.

3-*Sīghāt ism tafḍīl* dalam ayat BA harus disesuaikan (*muṭābaqat*) di antara subjek dan predikatnya, baik dari segi jantina (gender) mahupun bilangannya, terkecuali daripada ketentuan-ketentuan tersebut, jika kata nama unggulan (*ism tafḍīl*) itu *dimudafkan*, maka ia boleh sama dan boleh tidak sama di antara subjek dan predikatnya seperti pada contoh di atas. Ketentuan seperti ini tidak terdapat dalam BM, kerana BM tidak mengenal jantina (maskulin dan fiminin) di antara subjek dan predikat.

4-*Ism tafḍīl* dalam kedua dua bahasa tidak hanya menggunakan perkataan lebih, bahkan boleh menggunakan perkataan *kurang*, *paling* atau *ter*, seperti pada contoh-contoh di atas.

7.9.19 KN Tempat (*Ism Makān*) dalam BA

Sīghāt kedelapan yang digolongkan sebagai kata nama terbitan “*ism musyṭāq*” adalah KN tempat (*Ism makān*), iaitu ism yang menunjukkan makna tempat terjadinya suatu perbuatan . Yakni, ism jika dilihat dari aspek maknanya, ada yang menunjukkan tempat dan masa. al-Ghalāyīnīy (1968: Jld.1: 201) mendefinisikan KN tempat:

هُوَ مَا يُؤْخَذُ مِنَ الْفِعْلِ لِلْدَلَالَةِ عَلَىٰ مَكَانٍ أَخْدَثَ .

Maksudnya: Perkataan yang diterbitkan dari fi'l (kata kerja) yang menunjukkan kepada tempat kejadian .

Sepertimana jenis-jenis ism *musytāq* sebelumnya, *ism makān* juga mempunyai bentuk atau *sīghat* tertentu. Menurut Rādiy (1982 Jld.2:72) *sīghat-sīghat ism makān* adalah seperti berikut:

a-Mengikut wazan *maf' al* (مَفْعُل), apabila ia berupa *fi'l thulāthī* (tiga huruf),

huruf 'ain mudāri'nya dibaca *fathat* atau *dammat*, dan *fa'* fi'lnya bukan berupa huruf *illat*, seperti: مَلَكَبٌ، مَكَبَّ، مَرْكَبٌ (Tempat bermain, pejabat dan tunggangan atau kendaraan)..

b-Mengikut wazan *maf'il* (مَفْعِل), apabila ia berupa *fi'l thulāthī* yang huruf 'ain

muḍāri'nya dibaca *kasrat*, atau berupa *fi'l mithāl wāwiyy* (*fa'* fi'lnya berupa huruf waw), seperti: مَهْلِسٌ، مَوْعِدٌ (Tempat duduk dan perjanjian). Begitu juga

ia mengikut wazan *maf'il* (مَفْعِل), jika huruf *a'in mudāri*'nya dibaca *dammat*,

sekalipun hukumnya *syadh* (tidak mengikut kaedah), seperti: مَسْجِدٌ وَمَشْرِقٌ

(Tempat sujud dan tempat terbit mata hari).

c-Mengikut wazan *fi'l mudārinya*, tetapi menukar huruf *mudāra'ahnya*, iaitu *alif, nun, yā',* dan *tā'*, atau ت، ي، أ، ن, ي, ت, dengan huruf *mīm* (م) yang dibaca

dammat, dan huruf sebelum akhir dibaca *fathat*, seperti : *muṣallā, muṇṭalaq*
مُصَلَّى وَمُنْطَلِقٌ (Tempat sembahyang dan tempat berlepas).

d-Kadang-kadang ia mengikut wazan *maf'alat* (مَفْعَلَة), apabila ism makan

tersebut berupa kata nama jati (*ism jāmid*), iaitu ism yang tidak mempunyai

akar kata, seperti: *maqbara* قبر (kuburan). (Lht. ‘Abbās Hasan .Jld.3 t.t.: 318-319).

7.9.20 KN Tempat (*Ism Makān*) dalam BM

Dalam BM seperti yang dikatakan oleh Abdullah Hassan (1995: 98) terdapat pembentukan kata nama tempat “(*ism makān*)” sepertimana dalam BA, walaupun konsep pembentukannya tidak sama seperti ketentuan-ketentuan berikut:

a-Ditambah awalan “*per*” atau “*pe*” dan akhiran “*an*” pada kata nama atau kata kerja. Contoh:

mandi	<i>pemandian</i>
ladang	<i>peladangan</i>
dalam	<i>pedalaman</i>
pondok	<i>pemondonkan</i>
daftar	<i>pendaftaran</i>
istirahat	<i>peristirahatan</i>
kuubur	<i>perkuburan</i>

b-Ditambah awalan “*ke*” dan akhiran “*an*” pada kata nama. Contoh:

hakim	<i>kehakiman</i>
sultan	<i>kesultanan</i>
menteri	<i>kementrian</i>
duta	<i>kedutaan</i>
b-ditambah	akhiran “ <i>an</i> ” pada kata kerja. Contoh:
kurung	<i>kurungan</i>

gantung	<i>gantungan</i>
henti	<i>hentian</i>
buai	<i>buaiān</i>
mandi	<i>mandian</i>
kubur	<i>kuburan</i>
jemur	<i>jemuran</i>
rujuk	<i>Rujukan</i>

Lihat : Anton Mulyono:(1988:156).

Termasuk digolongkan kepada jenis ini dalam BM menurut Arbak Othman ialah perkataan-perkataan yang menunjukkan tempat terjadinya peristiwa, seperti: atas, bawah, tengah, depan, belakang, dan sebagainya.

Contoh:

berapa lama saudara tinggal di sini.

saya bertemu dengan dia di sana

anak-anak saya tidur di bilikatas

kamu jangan main di situ

kamu duduk di belakang (Lht.Arbak Othman tt.160-161).

Walaupun penulis tidak sependapat bahawa perkataan-perkataan tersebut digolongkan *kata nama tempat*, kerana ia menyerupai *kata penunjuk (itu, ini, di sana)* dan KN tempat.

Dengan memperhatikanuraian di atas dapatlah dijelaskan bahawa pembentukan kata nama tempat (ism makan) dalam BM dapat dilakukan dengan dua cara, iaitu:

- 1- dengan menambah awalan "per / pe" dan akhiran "an" pada kata nama / kerja, atau menambah awalan "ke" dan akhiran "an" pada kata nama.
- 2- dengan menambah akhiran "an" sahaja pada kata nama / kerja. Selain daripada itu ada cara lain , iaitu dengan menambahkan perkataan tertentu yang menunjukkan tempat terjadinya peristiwa, seperti pada contoh-contoh di atas.

7.9.21 Aspek Persamaan dan Perbezaan.

Dalam kedua-dua bahasa (BA dan BM), terdapat pembentukan KN tempat (ism makān), walaupun pola pembentukannya berbeza.

- 1-Dalam BA sifhaṭ ism makan harus mengikut pola-pola yang tertentu seperti *maf' alat* ﻡﻠّات dan ia berasal dari kata kerja (*fī'l*). Sedangkan dalam BM tidak mengikut dengan pola yang tertentu, tetapi ada berbagai-bagai cara pembentukannya melalui penambahan huruf, dan boleh di bentuk daripada KK (*fī'l*) dan juga KN, seperti contoh-contoh di atas.
- 2-Perbezaan yang lain adalah perkataan-perkataan yang menunjukkan tempat dalam BM boleh digolongkan sebagai *ism makān*, seperti kata "di sini" "di sana" dan "di situ" pada contoh pertama, kedua dan keempat. Manakala dalam BA perkataan tersebut digolongkan sebagai kata penunjuk (ism *isyārah*) dan kata "di bilik atas" pada contoh ketiga, dalam BA merupakan kata nama khas (*ism ma'rifah*) yang mengandungi makna tempat,bukan kata nama tempat. Dan perkataan "di belakang" pada contoh yang keempat dalam BA adalah kata keterangan tempat (*zaraf makān*), atau dikenali dalam BA

sebagai perkataan yang menunjukkan makna arah (*asmā al-jihāl*), tetapi bukan digolongkan sebagai kata nama tempat (*ism makān*).

7.9.22 KN Waktu (*Ism Zamān*) dalam BA

Sepertimana yang telah dihuraikan di atas bahawa *ism zamān* adalah ism yang menunjukkan keterangan waktu terjadinya sesuatu perbuatan. Pengertian ini selaras dengan apa yang dikatakan oleh al-Ghalāyīnīy (1968 Jld. 1: 201) iaitu:

هُوَ مَا يُؤْخَذُ مِنَ الْفِعْلِ لِلَّذِلَّةِ عَلَى زَمَانِ الْحَدَثِ

Maksudnya: Ism zamān, adalah perkataan yang diterbitkan daripada fi'l (kata kerja) bagi menunjukkan waktu terjadinya suatu perbuatan.

Sepertimana ism-ism musytāq yang lainnya, *ism zaman* juga memiliki pola tertentu bagi menunjukkan makna tersebut. Adapun pola-pola nya sama dengan pola *ism makān* yang telah dihuraikan di atas. “Abbās Hassan (tt. Jld 3: 318-319) membuat contoh-contohnya yang mengikut wazan maf' al (مفعول) seperti *matla' al-fajr* (waktu terbit fajar),

seperti *matla' al-fajr* (waktu terbit fajar), atau maf'il (مفعول) seperti (memasuki musim / waktu sejuk dan waktu hijrah), atau maf'il (مفعول) seperti

(waktu maghrib) (waktu bertanam) dan (موعد) (waktu perjanjian). (مغrib)

Ketiga-tiga *ṣighāt* di atas berasal dari kata kerja (terbit, وَسَّا وَمَحَرَ) (طلَقَ وَسَّا وَمَحَرَ) (waktu sejuk dan hijrah).

7.9.23 Kata Nama Waktu (*Ism zamān*) dalam BM

Penulis tidak menjumpai pola yang dikenali sebagai “*ism zamān*” dalam BM.

Tetapi mungkin yang mendekati maknanya dalam BM adalah perkataan-perkataan yang dikenali sebagai “*kata keterangan waktu*”, iaitu perkataan-perkataan yang menunjukkan *waktu terjadinya sesuatu perbuatan*, walaupun perkataan-perkataan tersebut tidak mengikut kepada pola tertentu. Jenis ini dalam BM ialah perkataan-perkataan seperti contoh-contoh di bawah ini:

Saya hendak pulang sekarang

Ia telah pulang

Para pelancong akan tiba tidak lama lagi.

Tadi saya lihat dia datang

Para pelancong akan tiba tidak lama lagi.

Ketika saya ada di rumah tiba-tiba kawan saya datang.

Anak-anak muali hari ini harus bangun *pagi-pagi*

Kelmaren ayah saya pergi ke Jakarta

Pada *malam* jumaat nanti di rumah saya ada kenduri

Lihat Arbak Othman (tt: 160) dan Gorys Keraf (1980: 297).

7.9.24 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Dalam BM tidak terdapat pola *ism zamān*, kecuali perkataan “maghrib”

yang maknanya “waktu maghrib”, Walaupun perkataan itu diserap dari BA.

2-Dalam BM terdapat perkataan-perkataan yang menunjukkan waktu terjadinya sesuatu peristiwa, yang dikenali sebagai “*kata keterangan waktu*”

seperti contoh-contoh di atas. Perkataan-perkataan tersebut kalau diteliti secara detail ia tidak sama dengan *ism zamān* dalam BA. Kerana perkataan “*sekarang*” pada ayat pertama dalam BA adalah dikenali sebagai *żaraf zamān*, kata “telah” pada ayat yang kedua adalah kata keterangan waktu yang terkandung pada kata kerja “*pulang*” yang menunjukkan berlakunya sesuatu perbuatan kala lampau, kata “akan tiba” pada ayat yang ketiga adalah keterangan waktu yang terkandung pada kata kerja kala kini (*mudāri'*) yang menunjukkan terjadinya suatu perbuatan yang akan datang, begitu juga kata “dia datang” pada ayat yang terakhir mengandungi makna terjadinya sesuatu perbuatan yang telah berlangsung (*past tense*). Jadi, kata keterangan waktu pada BM berbeza dengan *ism zamān* dalam BA, kerana *ism zamān* (kata keterangan waktu) dalam BM terdiri daripada kata kerja dan *żaraf*, bukan kata nama. Manakala *ism zamān* dalam BA ialah salah satu perkataan nama.

3-KN tempat (*ism zamān*), dalam BA harus mengikut pola tertentu, seperti contoh-contoh di atas, manakala KN tempat dalam BM tidak ada pola yang tertentu. Walaupun demikian, jika di teliti secara cermat kata keterangan waktu dalam kedua-dua bahasa BA dan BM terdapat keserupaan makna, iaitu keduanya menunjukkan waktu terjadinya sesuatu perbuatan.

7.9.25 KN Alaṭ (*ism Alat*) dalam BA

Bentuk terakhir yang digolongkan sebagai jenis kata nama terbitan (*ism musytāq*), adalah “*Ism ḥalat*”, iaitu perkataan yang berfungsi bagi melakukan suatu perbuatan yang mengikut pola tertentu. Pengertian ini selari dengan apa

yang dikatakan oleh Yūsuf Aḥmad al-Muṭawī (Jld.3:85) yang mendefinisikannya:

هُوَ لِفْظُ مُشْتَقٍ دَالٌ عَلَى أَدْهَأِ تَعْنِيْنِ الْفَاعِلِ فِي تَحْصِيلِ الْفِعْلِ.

Maksudnya: *Ism ālat* ialah kata nama terbitan yang menunjukkan alat yang digunakan untuk melakukan suatu pekerjaan.

Jika melihat definisi di atas, maka semua jenis benda yang berfungsi sebagai alaṭ dapat digolongkan sebagai KN alaṭ. Tetapi hakikatnya tidak demikian, kerana KN *alaṭ* dalam BA ialah mengikut *wazan* sepetimana kata nama terbitan lainnya. Di samping itu, bagi menunjukkan makna tersebut ia mestilah berasal daripada kata kerja transitif. (*fī'l thulāthī mabni ma'lūm*)

Pola-pola perkataan tersebut ada tiga:

a-*Mifāl* (مِفْعَالٌ), seperti: *miftāhun* (Kunci).


b-*Mif'āl* (مِفْعَلٌ), seperti: *مِبْرَدٌ وَمِنْصُّ* (Alat pendingin dan gunting).

c-*Mif'ālat* (مِفْعَلَةٌ), seperti: *مِكْسَةٌ وَمِسْطَرَةٌ* (kikir besi dan pembaris).

Seperti yang telah dikatakan di atas, bahawa dalam BA selain ism alat yang memiliki pola-pola secara qiyāsi, terdapat pula perkataan-perkataan yang menunjukkan ism *ālaṭ* dan mengandungi fungsi yang sama, tetapi tidak digolongkan sebagai KN *ālaṭ*, kerana ia tidak mengikuti pola-pola di atas, seperti: *الْمُشْطَ وَالسَّكِينُ وَالنَّاقِمُ وَالْمَزِيلُ وَالْمَدِيرُ* (sisir, pisau, pen,

penghapus/pemadam,pewangi). (Lht. al-Ghalāyīnīy 1968 Jld.1: 205-206).

Jadi, ism yang menunjukkan alat (bukan ism alat) dalam BA bukan hanya ism-isim yang mengikut wazan atau ketentuan-ketentuan seperti di atas, tetapi terdapat juga perkataan lain yang menunjukkan makna yang sama yang berfungsi sebagai alat sesuatu perbuatan, tetapi bukan digolongkan jenis ism alat yang mengikut pola tertentu.



29-Gambar Rajah 7.4 Jenis-Jenis KN Terbitan BA

7.9.26 KN Alat (*Ism Alat*) dalam BM

Salah satu jenis ism yang digolongkan sebagai kata nama terbitan dalam BM ialah kata nama alat, iaitu bentuk perkataan yang terdapat fonem: imbuhan seperti ketentuan-ketentuan di bawah ini:

1-Awalan “pe” + kata nama alat. Contoh:

pemukul (alat untuk memukul)

pengayuh (alat untuk mengayuh)

penumbuk (alat untuk menumbuk)

penyapu (alat untuk menyapu)

pemotong (alat untuk memotong)

2-Akhiran “an” bergabung dengan kata dasar kerja. Contoh:

sandaran	(alat menyandar)
saluran	(alat menyalur)
kukuran	(alat mengukur kelapa)
acuan	(alat membentuk sesuatu)
jemuran	(alat untuk menjemur)
jembatan	(alat untuk menyebrang). Lht. Abdullah Hassan (tt. 90-97).

Sebenarnya perkataan “ālat” itu sendiri berasal daripada bahasa Arab Jāh (ālat), dan perkataan ini sudah diserap ke dalam bahasa Melayu.

Maksudnya adalah setiap benda yang berfungsi sebagai alat sesuatu perbuatan, tanpa mengikut kaedah. Contoh:

pisau	baldi
pedang	jarum
gunting	mesin jahit
pensil	tali
cangkul	kunci
sapu	tangga

cermin mata, dan lain-lain.

Dengan demikian, BM juga terdapat perkataan-perkataan yang menunjukkan alat tetapi bukan *ism ālat*, yang mengikuti pola-pola seperti contoh-contoh di atas.

7.9.27 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Dalam kedua-dua bahasa (BA dan BM) terdapat perkataan yang menunjukkan “*ism alat*”, yang mengikut kaedah secara *qiyāsi* seperti contoh-contoh di atas, walaupun terdapat perbezaan pada pola pembentukannya atau *ṣighaṭnya*, kerana sistem dan rumpun bahasa yang berbeza, di antara kedua-duanya.

2-Kedua-dua bahasa juga terdapat perkataan-perkataan yang menunjukkan alat,dan berfungsi sebagai alat, tetapi tidak digolongkan sebagai *ism alat* secara *qiyāsi*. Jenis yang kedua ini sangat banyak dalam kedua-dua bahasa BA dan BM.

7.9.28 Penutup

Penulis dapat menyimpulkan baawa kedua-dua bahasa BA dan BM terdapat perkataan yang dikenali sebagai *musytaq* pada BA, dan *terbitan* pada BM.

Walaupun terdapat hal-hal yang perlu diperhatikan seperti berikut :

a-salah satu *ism musytaq* pada BA adalah *ism maf'ūl*. Persamaannya dalam BM adalah kata kerja pola pasif, seperti pada contoh-contoh yang telah disebutkan.

b-*ism zamān* pada BA persamaannya pada BM adalah “*kata keterangan waktu*” iaitu perkataan yang menerangkan terjadinya suatu perbuatan. Hanya bezanya perkataan ini dalam BM berupa kata kerja, samada menunjukkan keterangan waktu kala kini,lampau, atau yang akan dating, seperti pada contoh-contoh yang telah disebutkan.